

Jilid III
Bil. 15



Hari Selasa
14hb Disember 1993

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

[Ruangan 2215]

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1993 [Ruangan 2253]
(No. 2) (1993)**



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA

MALAYSIA

DEWAN NEGARA PARLIMEN KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' G. VADIVELOO A/L GOVINDASAMY, D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik).
- " Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN MUSA, S.I.M.P., (Dilantik).
- " Tuan Timbalan Yang di-Pertua, DATO' ADAM BIN KADIR., D.I.M.P. (Dilantik).
- " Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM., D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Dilantik).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DR. SAK CHENG LUM (Dilantik).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, TUAN MUSTAPA BIN MOHAMED (Dilantik).
- " TUAN HAJI SYED ABDUL HAMID SAGAFF, P.I.S., B.S.I., P.P.N. (Dilantik).
- " TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M., (Pulau Pinang).
- " TUAN HAJI ABDUL SALAM BIN AWANG, A.M.N. (Dilantik).
- " DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH, D.M.S.M., D.S.M., A.M.N., P.J.K., J.C. (Dilantik).
- " DATUK HAJI AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M. (Dilantik).
- " TUAN MICHAEL BONG THIAM JOON, A.B.S., J.B.S. (Dilantik).
- " PUAN HAJAH CHE PORA BINTI HAJI OMAR, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- " DATO' WILLIAM CHEK LIN KWAI, D.S.D.K., A.M.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- " TUAN CHONG CHI SIONG @ CHONG FAH (Negeri Sembilan).
- " TUAN FRANKIE CHONG Yu CHEE, A.D.K. (Sabah).
- " TUAN FU AH Krow (Dilantik).
- " TUAN DING SELING (Dilantik).
- " TUAN HAJI DOT BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka).
- " TUAN GHAZALI BIN HAJI EMBONG, P.J.K. (Dilantik).

- Yang Berhormat PUAN HAJAH HABSHAH BINTI HAJI OSMAN (Dilantik—Wilayah Persekutuan).
- " WAN HAMID EDRUCE BIN TUANKU HAJI MOHAMAD, A.B.S. (Sarawak).
- " TUAN HANIPAH BIN AHMAD, P.J.K. (Perlis).
- " TUAN HO CHENG WANG (Perak).
- " TUAN IBRAHIM BIN DAUD, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor).
- " TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan).
- " TUAN JANGGU ANAK BANYANG (Sarawak).
- " TUAN JOHAN B.O.T. GHANI @ CHRISTOPHER, K.M.N. (Dilantik).
- " PUAN KALTHOM BINTI HAJI OTHMAN (Kelantan).
- " PUAN KELSOM BINTI YAACUB. (Pahang).
- " PUAN KIAN SIT HAR, P.J.K., A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka).
- " TUAN LIMUN LAIKIM (Sabah).
- " DATO' DR. MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Dilantik).
- " DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Dilantik).
- " TUAN MOHD. ZAIN BIN HAJI MAT DAUD (Kelantan).
- " TUAN K. MUNISAMY, A.M.N., A.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- " TUAN NEO TUAN CHENG, P.P.N. (Johor).
- " DATO' (Ir.) NG THIAN HOCK, D.S.S.A., S.M.S., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- " DR. NG YEN YEN (Pahang).
- " PUAN HAJAH RAHAIAH BINTI BAHERAN, P.J.K. (Dilantik).
- " TUAN RAHIM BIN BABA, A.M.P. (Dilantik).
- " PUAN HAJAH RAHMAH BINTI SALLEH (Terengganu).
- " PUAN ROSALIND YAU SHUK MENG, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- " TUAN SAAD BIN HAJI MAN (Dilantik).
- " TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).
- " TUAN HAJI SALLEH @ HASSAN BIN ALI, P.J.K. (Terengganu).
- " PUAN SRI SARASA PASAMANICKAM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- " PUAN HAJAH SELEMAH BINTI HASHIM (Dilantik).
- " TUAN V.K. SELLAPPAN, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- " TUAN SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN, P.K.T. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah).

- " TUAN HAJI SHUIB BIN SHAWAL, A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).
- " DATO' SOONG SIEW HOONG, S.M.S., K.M.N., D.P.M.S., J.S.M. (Dilantik).
- " DATO' TAN TIEW BOCK, D.P.M.P., A.M.P. (Dilantik).
- " TUAN TIONG THAI KING. (Dilantik).
- " DR. TOH KIN WOON (Pulau Pinang).
- " DATUK K. VIJAYANATHAN A/L KESAVA PILLAI, D.J.N., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- " DATIN HAJAH WAN INTAN BINTI HAJI WAN AHMAD TAJUDDIN, P.J.K., A.M.S. (Dilantik).
- " DATUK. DAVID YEOH ENG HOCK, D.M.S.M. (Dilantik).
- " TUAN HAJI ZAINAL BIN MD. DEROS, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor).
- " DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.M., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- " PUAN HAJAH ZALEHA BINTI HUSSIN (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara : Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar, K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha : Haji Taijadin bin Saberan.
Penotong Setiausaha Kanan : Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan : Ramaswamy.
Penolong Penyunting : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop.
Pelapor Perbahasan Kanan : Haji Suhor bin Husin

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Su Soon Chuan.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

 Selasa 14hb. Disember 1993

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**KESESAKAN JALAN RAYA
DI JALAN KELANG LAMA,
KUALA LUMPUR**

1. **Tuan Fu Ah Kiow** minta Perdana Menteri menyatakan tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah kesesakan jalan raya yang makin teruk di Jalan Kelang Lama, Kuala Lumpur. Adakah Kerajaan bercadang memperluaskan Jalan Kelang Lama.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah dan akan mengambil langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di Jalan Kelang Lama.

(a) Langkah-langkah Jangka Pendek:

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengenal pasti di antara punca kesesakan lalu lintas di Jalan Kelang Lama ialah kerana terdapat banyaknya

simpang-simpang jalan di sepanjang jalan tersebut. DBKL juga telah mengambil tindakan menutup simpang-simpang tersebut dan membina dua tempat pusingan balik atau U-Turn yang teratur untuk mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di jalan tersebut.

(b) Langkah-langkah Jangka Panjang:

(i) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan menjalankan projek mempertingkatkan persimpangan Jalan Kelang Lama dan Lebuhraya Persekutuan dari persimpangan lampu isyarat kepada persimpangan bertingkat. Reka bentuk terperinci mengenainya sedang dijalankan dan dokumen tawaran dijangka dapat disiapkan pada pertengahan tahun 1994.

(ii) Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga mempunyai cadangan untuk melebarkan Jalan Kelang Lama dari persimpangan Lebuhraya Persekutuan dan Jalan Kelang Lama hingga ke sempadan Wilayah Persekutuan. Cadangan ini akan melibatkan proses pengambilan balik tanah

dan mengatasi masalah sosial seperti memindahkan rumah-rumah dan sebagainya yang akan mengambil masa yang agak lama. Permohonan peruntukan bagi tujuan tersebut telah dibuat dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

- (iii) Projek Transit Laju Ringan (LRT) juga mempunyai cadangan laluan melalui kawasan Jalan Kelang Lama sebagai satu lagi pilihan pengangkutan bagi penduduk-penduduk di sekitar jalan tersebut.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan setuju bahawa untuk mengatasi kesesakan lalu lintas terutama di bandar-bandar besar bukan hanya memindah rumah-rumah seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi atau membina tambahan jalan, membina jambatan, kawalan lalu lintas dan berkongsi kereta sahaja melainkan dengan cara Kementerian-kementerian ataupun kilang-kilang besar dipindahkan ke luar bandar atau sebahagian besar kakitangan ditempatkan di mana Kementerian atau kilang itu ditempatkan. Contohnya, Jabatan Pos di mana kakitangan tinggal di tingkat atas dan di tingkat bawah dijadikan pejabat.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa responsif terhadap cadangan-cadangan yang berkaitan dengan kesesakan lalu lintas. Bagaimanapun, di dalam Pelan Induk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memang terdapat beberapa perancangan sesuai dengan deraf pembangunan yang ada termasuklah apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat.

Dr. Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita semua tahu di mana jua pun menggalakkan orang ramai menaiki bas merupakan satu langkah untuk mengatasi kesesakan jalan. Tetapi, nampaknya sistem bas di KL dan PJ tidak begitu memuaskan dengan banyak tempat khususnya di PJ tidak mendapat perkhidmatan bas atau kekerapan perkhidmatannya kurang.

Saya ingin tahu, Tuan Yang di-Pertua, apakah sebab-sebabnya sistem bas di KL tidak boleh dimajukan lagi ke tahap yang lebih tinggi sehingga menggalakkan lebih ramai khususnya mereka yang memakai motokar lebih banyak menggunakan perkhidmatan bas ini.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dakwaan sistem bas tidak dapat dimajukan adalah tidak betul. Kerajaan sedang menjalankan usaha agar satu konsortium dapat dilahirkan di Wilayah Persekutuan yang melibatkan semua syarikat-syarikat pengangkutan khususnya bas dan melahirkan satu sistem yang lebih teratur untuk mengatasi kesesakan lalu lintas dan perkhidmatan yang lebih efisien kepada masyarakat.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya komen sedikit dahulu? Mengenai kesesakan jalan raya ini apabila kita berbincang mengenai kesesakan jalan raya di tempat-tempat seperti di Kuala Lumpur, saya terfikir tempat saya tidak ada jalan. Jadi, selanjutnya saya hendak tanya kepada Kementerian, adakah Kementerian bercadang untuk menggunakan alternative transport dengan menggunakan transport seperti motosikal atau basikal?

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya nyatakan dalam jawapan yang lebih awal bahawa pengangkutan yang merupakan alternatif untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas ialah LRT atau projek Transit Laju Ringan. Selain dari itu ialah Monorel yang sedang dalam perancangan.

Kita tidak pula melarang kalau ada usaha orang ramai hendak menggunakan basikal, mereka boleh gunakan untuk membantu dalam mengatasi masalah ini.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri bersetuju dengan saya bahawa adanya kesesakan ini adalah kerana banyaknya lampu-lampu isyarat sebab apabila lampu isyarat digunakan, kesesakan selalu timbul. Apabila digunakan Polis Trafik, kesesakan jarang terjadi. Adakah Timbalan Menteri bersetuju dengan saya?

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua sistem ini membantu untuk menyelesaikan masalah kesesakan sama ada daripada pihak Polis mahu pun daripada lampu isyarat. Bagaimanapun, kesesakan ini sesungguhnya bukan disebabkan kedua-dua faktor tetapi ini adalah hasil daripada pertumbuhan ekonomi yang baik di mana negara maju seperti Malaysia ini, telah membolehkan peluang-peluang masyarakat dan rakyat meningkatkan ekonomi dan ramai dapat membeli kereta masing-masing yang lebih banyak.

FILEM LAMA TAMIL— TAYANGAN SEMULA

2. Tuan V.K. Sellappan minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada

RTM dapat menyiarkan filem-filem lama Tamil khususnya yang mempunyai unsur-unsur sihat dan pendidikan dalam kandungannya. Terdapat banyak filem lama yang mempunyai unsur positif seperti yang digambarkan dalam filem-filem P. Ramlee. Siaran hitam putih tersebut dapat mengimbangkan unsur-unsur negatif yang digambarkan dalam filem-filem baru Tamil.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat RTM untuk mengimbangi di antara filem-filem baru dan filem-filem lama Tamil khususnya yang mempunyai unsur-unsur sihat dan pendidikan dalam kandungannya. Filem-filem lama ini dapat juga memberi nostalgia kepada penonton.

Tuan Yang di-Pertua, halangan terbesar yang dihadapi oleh RTM ialah untuk memperolehi 'print' baru bagi filem-filem tersebut kerana 'print' filem-filem lama kebanyakannya telah rosak dan tidak sesuai untuk disiarkan. Walau bagaimanapun, usaha akan terus dijalankan oleh RTM untuk mendapatkan 'print' baru yang sesuai untuk tayangan.

RUMAH ORANG TUA— BILANGAN

3. Tuan Neo Tuan Cheng minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) berapakah bilangan pusat warga tua yang wujud dan di bawah jagaan Kerajaan atau swasta sekarang ini mengikut negeri;

- (b) berapakah jumlah penghuni dan berapakah elaun sara hidup yang diberikan setiap penghuni; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang untuk menambah bilangan pusat-pusat ini memandangkan jangka hayat warganegara kita telah bertambah tinggi dan adakah Kerajaan bercadang untuk menambah elaun sara hidup mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoon Seng):
Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab:

- (a) bilangan Rumah Orang Tua yang wujud di seluruh negara ialah 151 buah. Daripada itu, 8 buah ditadbirkan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat; 12 buah oleh pertubuhan kebajikan sukarela dan 22 buah Rumah Orang Tua dikelolakan oleh pihak swasta secara perniagaan di Selangor dan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Pembahagian Rumah Orang Tua yang dikelolakan oleh Kerajaan dan pertubuhan kebajikan sukarela mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Rumah Orang Tua</i>
Johor	25
Kedah	20
Kelantan	8
Melaka	5
Negeri Sembilan	7
Pahang	6

Perak	15
Perlis	2
Pulau Pinang	27
Selangor	8
Terengganu	2
Wilayah Persekutuan	
Kuala Lumpur	2
Sarawak	2

- (b) Jumlah penghuni ialah seramai 5,016 orang. Orang-orang tua yang tinggal di Rumah-rumah Orang Tua Kerajaan disediakan kemudahan yang secukupnya seperti tempat tidur, pakaian, makan minum, perubatan dan riadah. Oleh yang demikian, mereka tidak diberi bantuan berbentuk kewangan untuk sara hidup. Orang-orang tua yang tinggal di Rumah-rumah Orang Tua yang dikendalikan oleh pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela diberi bantuan sara hidup sebanyak RM50 jika didapati ber-sesuaian.
- (c) Pihak Kerajaan telah bersetuju membina dua buah lagi Rumah Orang Tua yang boleh menempatkan seramai 400 penghuni dan akan menaikkan taraf 6 buah institusi tersebut di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Namun demikian, keutamaan adalah diberi dalam penajaan mereka di dalam masyarakat, dengan anggota masyarakat memainkan peranan sebagai penjaga kepada mereka. Kementerian saya sedar bahawa kadar bantuan untuk warga tua yang daif pada masa ini sebanyak RM50 sebulan itu tidak seimbang dengan kos sara hidup pada masa ini. Menyedari keadaan itu, Kerajaan sedang menimbang untuk menaikkan kadar tersebut.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Kementerian memberitahu kami, berapa ramaiakah warga tua yang tinggal di rumah kebajikan ini yang telah berkahwin antara satu sama lain? Selepas berkahwin, bagaimanakah kehidupan mereka? Adakah mereka masih tinggal dalam rumah kebajikan atau mereka menjalani kehidupan harian di tempat lain?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, kalau mereka berkahwin, ini adalah satu cara yang baik. Tetapi saya tidak ada perangkaan di sini kerana ini adalah satu soalan yang spesifik. (*Ketawa*)

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jumlah yang disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi iaitu 5,016 orang. Adakah jumlah ini bertambah tahun demi tahun ataupun berkurangan?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak ada angka untuk membandingkan dengan tahun-tahun yang lepas. Setahu saya, ia meningkat sedikit sahaja.

Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak Kementerian untuk seorang warga tua yang dapat melayakkan diri untuk tinggal di rumah-rumah kebajikan ini?

Siapakah yang patut dihubungi dalam kerja-kerja pendaftaran untuk warga-warga tua ini dapat tinggal di rumah kebajikan ini?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, untuk warga tua yang berumur 60 tahun ke atas dan tidak ada saudara-mara yang dapat memberi

bantuan penjagaan kepada orang tua itu, mereka boleh menghubungi Pegawai Kebajikan setempat atau melalui Pegawai Daerah untuk membuat permohonan masuk ke Rumah Orang Tua.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa orang-orang tua yang tidak mampu lagi meniarakan hidupnya, memang betul Kerajaan ada memberi elaun. Malangnya, elaun ini tidak sepanjang masa atau sepanjang hidup—hanya setahun dua, tidak lebih daripada tiga tahun. Maksud saya, diberhentikan kemudian diberi kepada orang lain pula. Kemudian, setelah dia ditinggalkan dan tidak diberi elaun, apakah pula sara hidup orang tua tadi hendak mencari rezeki yang halal kerana ada sesetengah itu tidak mempunyai keluarga. Kalau ada anak pun, tersangat jauh.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, bantuan kewangan diberi tiap-tiap bulan. Jikalau orang-orang tua ini telah dapat berdikari, sesuai dan disiasat oleh pihak Pegawai Kebajikan, maka bantuan ini diberhentikan. Tetapi setahu saya, ini tidak diberhentikan oleh kerana majoriti orang-orang tua ini terus menerima bantuan kewangan. Kalau ada kes yang spesifik seperti ini, saya memohon kepada Yang Berhormat untuk melanjutkan perkara ini ke pejabat.

SYIAH DAN DARUL ARQAM— ANCAMAN KEPADA PERPADUAN

4. Tuan Saad bin Haji Man minta Perdana Menteri menyatakan sama ada penyelidikan telah dibuat tentang merbahaya Syiah dan Darul Arqam

terhadap perpaduan umat Islam di Malaysia yang majoritinya berpegang teguh kepada aliran Ahli Sunnah Wal-Jamaah Mazhab Shafie.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan penyelidikan terhadap Syiah dan Darul Arqam. Didapati bahawa kedua-dua kumpulan ini mengandungi unsur-unsur yang boleh membawa kepada perpecahan umat Islam di Malaysia.

Bahaya Syiah yang dapat dikesan sehingga kini antaranya:

- (a) timbul kumpulan yang bersikap anti-establishment, dengan izin;
- (b) timbulnya kurapulan yang cuba memecah-belahkan umat Islam dengan cara mempertikaikan hukum dan sumber yang digunakan oleh Ahli Sunnah Wal-Jamaah;
- (c) mewujudkan segolongan mangsa amalan Syiah terutamanya mangsa-mangsa perkahwinan secara muta'ah dan keraguan cara berfikir;
- (d) mewujudkan satu budaya masyarakat yang berahsia dan menyembunyikan hakikat kebenaran dengan penerimaan konsep Taqiyyah iaitu menyembunyikan pegangan di khalayak ramai yang menjadi amalan yang wajib oleh Syiah;
- (e) menimbulkan pertentangan pendapat yang berpanjangan di kalangan umat Islam berikutan dari perbezaan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah dengan Syiah mengenai para sahabat Rasulullah s.a.w.

Bahaya Arqam yang dapat dikesan antaranya:

- (a) melahirkan ataupun mewujudkan satu kumpulan yang bersikap anti-establishment, dengan izin, apabila mereka berpihak kepada kumpulannya sahaja.
- (b) kumpulan ini telah melahirkan satu kumpulan yang memandang serong terhadap ulama yang wujud yang bukan daripada kumpulan mereka ataupun yang simpati dengan mereka;
- (c) penonjolan Al-Arqam sebagai satu model pembangunan insan dan masyarakat boleh ditafsirkan oleh masyarakat umum bahawa selain daripadanya tidak dianggap betul dan jelas menurut konsep pembangunan yang sebenar;
- (d) penonjolan Ustaz Ashaari Muhammad sebagai Al-Imam yang telah mengilhamkan pula untuk melahirkan generasi pendidikan At-Tamimi boleh mengakibatkan masyarakat umum kepada satu pegangan di mana selain daripada pendidikan kumpulan itu tidak diredai ataupun tidak selari dengan kehendak-kehendak zaman. Hal ini boleh membawa kesan kepada buruk sangka, fitnah dan sebagainya;
- (e) akibat daripada penonjolan kumpulan Arqam dalam masyarakat, boleh mewujudkan suatu budaya masyarakat yang menganggap orang lain serong.

Sikap fanatik kedua-dua kumpulan ini kepada agama yang dianuti bukan

setakat menentang pandangan dan nasihat pihak berkuasa agama, malah mencaci dan mengecam tokoh-tokoh pemimpin, ulama dan pihak-pihak yang tidak seialiran dengan mereka. Di samping itu, pemimpin-pemimpin kumpulan ini dikesan menghasut para pengikutnya dan masyarakat awam untuk menolak rancangan dan dasar-dasar Kerajaan. Mereka secara terancang membentuk sistem dan peraturan masyarakat tersendiri. Tegasnya kumpulan ini dikesan membentuk "negara" dalam negara yang secara langsung memecah-belahkan perpaduan umat di negara ini.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin:

Tuan Yang di-Pertua; soalan tambahan. Apakah tindakan positif yang dibuat oleh pihak Jabatan Perdana Menteri terhadap pertubuhan Al-Arqam yang benar-benar jelas menyeleweng, kerana apa yang dapat saya lihat, pertumbuhan Al-Arqam ini terus berlaku di dalam negara ini, bahkan di negeri Kelantan, misalnya, markas Al-Arqam terus diperbesar. Sekolah Al-Arqam terus diwujudkan di seluruh negeri tersebut. Apakah tindakan positif yang dibuat?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan telah pun mengharamkan kegiatan Al-Arqam ini di pejabat-pejabat Kerajaan, dan melalui siaran-siaran dan penerangan-penerangan yang jelas, yang telah pun diberikan kepada pihak berkuasa agama negeri untuk menjelaskan kepada masyarakat bahawa segala kegiatan yang dilakukan oleh Al-Arqam itu adalah bertentangan dengan Islam. Sekarang ini Kerajaan masih mengkaji cara ataupun bagaimana Kerajaan boleh menyekat kumpulan ini daripada merebak dengan begitu hebat, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat, insya Allah, kita akan memberikan penerangan ini berlanjutan dan satu tindakan yang tegas akan diambil.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya rasa Al-Arqam ini adalah satu masalah yang banyak kali telah dibincangkan dan saya rasa tindakan yang diambil itu tidaklah sepertimana yang kita harapkan.

Saya rasa ada masalah sedikit yang menyebabkan Kerajaan tidak boleh mengambil tindakan, oleh kerana di dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan menyatakan iaitu:

"3(1) Uagama Islam ialah uagama bagi Persekutuan."

Untuk membolehkan Kerajaan mengambil tindakan terhadap mereka yang menyeleweng daripada aliran Mazhab Shafie, saya ingin bertanya bolehkah Kerajaan memikirkan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan supaya dimasukkan iaitu "Agama Islam, aliran Sunnah Wal-Jamaah Mazhab Shafie itu adalah agama bagi Persekutuan". Dengan cara ini saya rasa kita boleh mengambil tindakan kepada serpihan yang lain, yang tidak mengikuti aliran Mazhab Shafie kita.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa agak sukar Kerajaan hendak bertindak kerana bukan sahaja Al-Arqam yang menyebarkan ajaran yang tidak betul, bahkan berpuluh-puluh kumpulan yang dapat dikesan oleh Pusat Islam adalah kumpulan yang menyebarkan ajaran yang tidak betul, termasuk Al-Arqam. Jadi, apa yang harus dilakukan oleh Kerajaan ialah menjelaskan kepada masyarakat apakah Sunnah Wal-Jamaah yang sebenarnya yang perlu diikuti. Dengan sebab itulah kita meriharapkan bahawa masyarakat dapat memahami Islam itu dengan sebenar-benarnya supaya tidak mudah diselewengkan.

Saya hendak menyebutkan sedikit pendapat 'Al-Maududi' misalnya dia menyehutkan, kalau sekiranya umat Islam ini buta dalam Al-Quran dan Hadis, maka dia adalah mudah akan diselewengkan oleh 'dajal'. Ini pendapat 'Al-Maududi'. Jadi, kalau kita umat Islam tidak begitu kukuh pegangannya terhadap Al-Quran dan Sunnah, maka saya yakin dan sudah pasti bahawa terlalu mudah untuk diselewengkan.

Jadi, saya rasa bahawa pindaan kepada Perlembagaan itu tidak perlu dibuat, bahkan penjelasan, penerangan yang akan dikeluarkan dan ahli masyarakat menjelaskan tentang kedudukan sebenar Al-Arqam, perjalanan Aurad Muhammadiyah pegangan Al-Arqam adalah tidak betul dan bertentangan dengan Islam, saya yakin bahawa umat Islam tidak akan mengikutinya.

Tuan Shahiruddin bin Ab. Moin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan selepas pengharaman Al-Arqam ini ramai di kalangan pemimpin pihak Al-Arqam berada di luar negara untuk menjalankan gerakan mereka. Apakah langkah yang telah diambil oleh Jabatan Perdana Menteri bagi menyekat gerakan mereka ini dan berapa ramaikah pemimpin-pemimpin mereka yang masih berada di luar negara?

Tuan Othman bin Abdul: Mengenai jumlah sebenar, kita tidak dapat mengesan, tetapi apa yang kita pasti ialah pemimpin nombor satunya Ustaz Ashaari memang bergerak sama ada di Thailand, di Singapura dan lebih banyak sekarang ini mendampingi peniaga-peniaga ataupun pedagang-pedagang di Negeri China. Dan memang dalam lawatan Kerajaan baru-baru ini pun dapat melihat gambar

Ustaz Ashaari sudah pun dibentangkan di Negeri China. Jadi, ini pergerakan yang berlaku dan memang benar bahawa kumpulan Al-Arqam ini bergerak sekarang ini, mungkin kerana sambutan yang diberikan oleh kalangan rakyat Malaysia agak berkurangan dan mereka telah juga bergerak ke Indonesia, ke Aceh dan pihak berkuasa Aceh telah pun mengeluarkan pedoman untuk orang Islam di Aceh supaya menolak Al-Arqam ini. Di samping itu, kita juga dapat mengesan bahawa mereka bergerak di kalangan pelajar-pelajar Malaysia, tetapi Alhamdulillah, pelajar Malaysia telah pun diberikan penjelasan dan sekarang ini telah berkurangan pelajar Malaysia yang mengikuti Al-Arqam. Kita akan meneruskan usaha penjelasan yang sebenarnya kepada mereka.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari Kerajaan, siapakah yang mempunyai bidang kuasa sama ada pihak Pusat atau Kerajaan Negeri untuk membolehkan kegiatan-kegiatan ini dapat diharamkan dan selanjut daripada itu, saya ingin mendapat penjelasan bagaimanakah cara untuk kita dapat mengenal seseorang itu 'Syiah', 'Al-Arqam' ataupun 'Ahli Sunnah' dalam kehidupan harian?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan di-Pertua, mengenai soalan yang kedua, bagi saya agak sukar. Kalau Al-Arqam lebih mudah sebab dia memakai jubah hitam atau jubah hijau dengan serban yang besar—itu hebat jubah dan serbannya sahajalah, ilmunya wallahualam kita pun tidak tahu—Al-Arqam lebih mudah dikenal. Tetapi bagi kumpulan 'Syiah' ini agak sukar untuk kita kenal dengan secara zahir, tetapi amalannya itu kalau boleh

kita melihat bagaimana mereka bergerak dalam kumpulan yang kecil menyampaikan ajaran mereka. Secara zahirnya saya hendak menjelaskan bahawa agak sukar, tetapi kumpulan Al-Arqarn ini dengan budaya mereka mudah untuk dikesan dan dilihat dengan jelas.

Mengenai soalan yang pertama yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi, memang Kerajaan Negeri boleh mengharamkan dan pihak Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri telah pun mengharamkan kegiatan ini di Jabatan-jabatan Kerajaan. Jadi ini memang ada penyelarasan dan kita bermuzakarah untuk menentukan. Kita juga meminta supaya Kerajaan Negeri mengawasi dan kalau boleh mengharamkan dan memang ada kegiatan mengharamkan kegiatan ini di negeri-negeri. Jadi, kedua-dua sama ada pihak Hal Ehwal Jabatan Agama Islam negeri-negeri ataupun Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri boleh mengambil tindakan. Adalah lebih baik oleh kerana setiap negeri urusan agama Islam ini terletak di bawah undang-undang negeri, kalau boleh setiap negeri mengkaji dan terus mengharamkan kegiatan ini, saya rasa adalah lebih menguntungkan dan membawa kebaikan kepada masyarakat Islam di Malaysia.

JALAN BEAUFORT- MENUMBOK—PEMBINAAN

5. Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapa peratuskah kerja-kerja pengukuran reka-bentuk ke atas Jalan Raya Beaufort-Menumbok disiapkan setakat ini.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kerja-kerja ukur, kajian tanah dan reka-bentuk sedang dilaksanakan bagi projek-projek Jalan Beaufort-Menumbok dan terus ke Mempakul. Bagi kerja-kerja ukur, 85% daripadanya telah disiapkan setakat ini dan dijangka ianya akan dapat disiapkan sepenuhnya awal tahun hadapan.

Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang diterangkan oleh Timbalan Menteri bahawa 85% kerja-kerja pengukuran yang dapat disiapkan dan kemungkinan awal tahun depan akan siap kerja mengukur dan reka-bentuk Jalan Beaufort-Menumbok ini. Adakah kerja-kerja pengukuran Jalan Beaufort-Menumbok ini siap pada awal bulan Januari? Adakah jalan ini apabila siap dibina ianya akan diturap dengan tar?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, bagi peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Keenam, ianya sebanyak RM2.3 juta sahaja. Jadi, apabila reka-bentuknya siap, adalah dijangkakan kerja-kerja pembinaan jalan tersebut akan dapat dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh nanti.

INDUSTRI KRAFTANGAN— MASALAH PASARAN DAN BEKALAN

6. Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

(a) apakah sebab-sebab yang menyebabkan industri kraftangan Malaysia mengalami

masalah yang agak rumit iaitu pasarannya begitu luas tetapi bekalannya tidak mencukupi; dan

- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) soalan yang dikemukakan adalah agak umum yang mana sebenarnya industri kraftangan merangkumi pelbagai bidang kraf. Mengikut rekod eksport tahun 1992, didapati bahawa industri seramik mencatatkan jumlah nilai RM1.4 juta manakala industri batik pula bernilai RM0.6 juta. Ini menunjukkan bahawa dua bidang berkenaan tidak mengalami masalah dari segi pengeluaran. Walau bagaimanapun, bidang kraf tradisional seperti anyaman dan tenunan yang mana penerapan teknologi adalah kurang sesuai untuk pengekalan warisan, pengeluarannya adalah terhad. Sungguhpun begitu, sekiranya tempoh masa yang diberikan mencukupi, pengeluaran kraf berkenaan tidak mempunyai masalah.

- (b) Antara program dan aktiviti yang dijalankan oleh pihak Kerajaan untuk memastikan masalah berkenaan tidak timbul adalah seperti berikut:

(1) Latihan kemahiran asas

Perbadanan Kraftangan melatih 600 orang pelatih dalam 10 bidang di seluruh negara setiap tahun.

(2) Latihan Pengkhususan

Bekas pelatih akan diserapkan ke latihan pengkhususan supaya pendedahan kepada pengeluaran secara berkuantiti atau massa dapat diterapkan.

(3) Konsep Satu Kampung Satu Pengeluaran

Perbadanan Kraftangan akan memperkenalkan konsep "satu kampung satu pengeluaran" dan Perbadanan Kraftangan telah pun mengenal pasti 5 negeri untuk menjayakan program ini. Antara negeri yang berkenaan adalah:

Perak—tembikar;

Pahang—kayukraf;

Kelantan—perak dan batik;

Terengganu—anyaman;

Negeri Sembilan—kacakraf

(4) Pembangunan dan Penyelidikan

Perbadanan Kraftangan menjalankan aktiviti penyelidikan bahan serta mempelbagaikan teknologi pembuatan bagi meningkatkan penghasilan barangan kraf yang bermutu; dan

(5) Projek-projek Pusat Pengeluaran Perbadanan Kraftangan

Pusat Pengeluaran Perbadanan Kraftangan merupakan projek perintis

pengeluaran yang dijalankan dalam premis Perbadanan Kraftangan di cawangan-cawangan. Ruang kerja, bengkel yang dilengkapi dengan mesin jentera dan alat kelengkapan yang bersesuaian untuk pengeluaran kraf disediakan. Pihak pengurusan Perbadanan Kraftangan melantik anak syarikatnya sebagai agen untuk mentadbir, mengurus dan mengendalikan operasi pengeluaran. Bekas-bekas pelatih Perbadanan Kraftangan diberi keutamaan untuk melibatkan diri dalam projek ini.

MALAYSIA SEBAGAI PUSAT KECEMERLANGAN PENDIDIKAN—PERANCANGAN

7. Tuan Shahiruddin bin Abd. Moin minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah persediaan yang sedang dan telah dibuat di dalam menjadikan Malaysia sebagai "Centre of Excellence" atau "Education Business" bagi rantau ini:

- (a) setakat manakah perancangan dan kemudahan asas yang telah dibuat; dan
- (b) apakah strategi yang akan kita laksanakan agar Dasar Pendidikan Negara berjalan dengan baik.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sedang mengendalikan

beberapa usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan dan menjadikan sektor pendidikan sebagai satu industri. Antaranya ialah:

- (i) mempertingkatkan kapasiti dan mutu pendidikan tinggi tempatan melalui usaha mengoptimalkan sumber-sumber yang terdapat di institusi pendidikan tinggi awam yang sedia ada seperti menambah bilangan tempat dan menggalakkan program pendidikan jarak jauh;
- (ii) mempertingkatkan penyertaan sektor swasta dan korporat dalam pendidikan tinggi dengan menggalakkan pelajar luar datang ke Malaysia;
- (iii) menggalakkan program berkembar antara kolej korporat dengan institusi pendidikan awam dan juga meneruskan program berkembar dengan institusi pendidikan tinggi luar negeri.

Dr. Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pendidikan sedar bahawa salah satu faktor yang mungkin menghalang Malaysia dijadikan sebagai satu pusat pendidikan yang cemerlang ialah bahawa kebanyakan di antara institusi-institusi pengajian tinggi swasta sering menghadapi masalah mendapat kelulusan untuk kursus-kursus baru yang mereka ingin memperkenalkan sungguhpun kursus-kursus ini adalah ditawarkan bersama-sama dengan universiti-universiti di seberang laut yang terkenal. Kalau sedar, apakah langkah yang akan diambil untuk mengatasinya?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang sentiasa menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam memperluaskan pendidikan tinggi. Di sini Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan satu dasar yang liberal tentang permohonan dari sektor-sektor swasta. Kalau permohonan itu memenuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh Kementerian Pendidikan dari segi mutu pendidikan, dari segi memenuhi keperluan negara kita dan juga dari segi syarat-syarat yang lain khususnya dari segi kemudahan dan sebagainya, memang Kementerian pendidikan bukan sahaja akan meluluskan permohonan tersebut tetapi juga akan memberi bantuan dari semua aspek termasuklah bantuan dari segi merabantu perhubungan di antara universiti-universiti dari luar negeri. Di sini saya harapkan Ahli Yang Berhormat bersabar kerana Kementerian Pendidikan memang mengambil masa untuk mengkaji segala permohonan.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat kagum apabila mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri menyentuh perkara pendidikan jarak jauh tadi. Saya dari luar bandar yang jauh dan selalu berhubung dengan pegawai-pegawai Kerajaan yang mempunyai minat untuk melanjutkan pelajaran mereka tetapi sangat jauh daripada Pusat-pusat Perpustakaan atau pun Postal Service. Pertanyaan saya ialah, apakah tindakan ataupun rancangan kementerian untuk membolehkan ataupun memberi peluang kepada mereka yang sangat jauh ini untuk mendapatkan pendidikan jarak jauh, kalau adalah yang berminat seperti yang saya telah jumpa beberapa kali?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang ada dalam rancangan Kementerian Pendidikan supaya kita menggalakkan pusat-pusat atau universiti-universiti tempatan untuk mengadakan program-program pendidikan jarak jauh atau Distant Learning Programme ini termasuklah program yang dikendalikan oleh Universiti Sains Malaysia. Kementerian Pendidikan sedang mengkaji beberapa aspek di mana kita boleh menggalakkan universiti tersebut untuk memperluaskan program itu dan antara program-program lain juga, kita dapati bahawa universiti-universiti tempatan lain juga ada cadangan tersebut. Kementerian Pendidikan memang akan memberi bantuan dan galakan supaya kita ada lebih banyak peluang untuk rakyat kita yang tinggal di kawasan-kawasan luar dari universiti-universiti tersebut untuk mendapat pendidikan tersebut.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan mengambil kira tentang keselamatan negara di masa akan datang dalam berlumba-lumba menimba pelbagai kemajuan terutama melalui pusat ilmu kerana melalui aspek budaya ilmu, pelbagai bentuk negatif boleh diambil kesempatan oleh petualang-petualang?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham dengan tepat soalan Ahli Yang Berhormat itu. Mengikut pendapat saya kalau Ahli Yang Berhormat soalkan tentang.....

Tuan Yang di-Pertua: Keselamatan?

Datuk Dr. Fong Chan Onn:..... tentang kemungkinan pelajar-pelajar kita kalau mereka berada di luar negeri mendapat nilai-nilai yang akan

bercanggah dengan keadaan yang ada di negara kita, memang Kementerian pendidikan telah dan sedang memperluaskan program-program berkembar untuk membolehkan pelajar-pelajar kita mendapat pendidikan di dalam negara kita supaya mereka menjadi orang-orang yang lebih matang sebelum mereka keluar dari negara kita.

Saya rasa itulah satu perkembangan yang baik. Dan di sini juga kita akan terus berusaha menggalakkan lebih banyak universiti-universiti dari luar negeri supaya mereka boleh mengadakan lebih banyak program di dalam negara kita. Dengan itu kita akan dapat memenuhi keperluan kita dan akan lebih selaras dengan kebudayaan dan suasana negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Habshah binti Haji Osman. .

Dr. Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya bagi pihak Puan Hajah Habshah—soalan nombor 8.

APEC - IMPLIKASI PEMULAUAN OLEH KERAJAAN MALAYSIA

8. Dr. Toh Kin Woon: (di bawah S.O. 23(2)) minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah pendirian Malaysia terhadap perkembangan APEC seterusnya, apakah implikasi jangka panjang sekiranya pemuluan Kerajaan Malaysia ini diteruskan. Adakah penyertaan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri di sidang APEC membawa faedah kepada hubungan Kerajaan dengan Kumpulan APEC.

14.12.93

17. Tuan Limun Laikim minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan kebaikan dan keburukannya Y.A.B. Perdana Menteri tidak menghadiri persidangan APEC.

22.12.93

16. Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan adakah beliau akan menghadiri Mesyuarat Peringkat Menteri-menteri Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dan mesyuarat pertama pemimpin-pemimpin Asia Pasifik di Seattle:

- (a) jika tidak apakah kesannya, tidakkah nanti akan menyebabkan Amerika Syarikat memberi tindakbalas mengenai "pra-syarat" tersebut; dan
- (b) tidakkah tindakan yang tegas ini akan menyebabkan Amerika menekan Kerajaan Malaysia.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Dato' Seri Rafidah Aziz): Tuan Yang di-pertua, saya mohon izin untuk menjawab sekali gus soalan-soalan di atas perkara yang sama daripada Yang terhormat Puan Hajah Habshah binti Haji Osman dan Yang Berhormat Tuan Limun Laikim yang dikemukakan pada hari ini serta juga soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong yang akan dikemukakan pada 22hb Disember, 1993.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga sekarang Mesyuarat APEC peringkat Menteri telah diadakan sebanyak 5 kali bermula pada tahun 1989. Malaysia telah pun menghadiri kelima-lima mesyuarat

tersebut. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia hanya tidak menghadiri sidang kemuncak tidak rasmi ketua-ketua negara APEC yang pertama pada bulan November lalu di Seattle, Amerika Syarikat tetapi masih menghadiri Mesyuarat Kelima APEC Peringkat Menteri di tempat yang sama. Oleh yang demikian, adalah kurang tepat untuk menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia telah memulau kesemua aktiviti-aktiviti APEC

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia telah mengambil pendirian dan sentiasa menekankan bahawa APEC tidak sepatutnya dijadikan satu blok perdagangan tetapi hendaklah dikekalkan sebagai satu forum perundingan yang terbuka yang mempunyai struktur yang 'informal', dengan izin, dan menumpukan kepada pelaksanaan program-program dan projek-projek yang boleh dinikmati bersama terutamanya oleh ahli-ahli APEC yang kurang maju. Selain daripada itu, penglibatan di dalam APEC haruslah berasaskan prinsip, dengan izin, 'equal partnership' dan keputusan-keputusan yang dibuat hendaklah dengan persetujuan bersama atau consensus.

Perkara-perkara tersebut merupakan prinsip-prinsip yang telah dipersetujui semasa APEC mula ditubuhkan dahulu. Keputusan Malaysia untuk tidak menghadiri Sidang Kemuncak tidak rasmi Ketua-ketua Negara APEC di Seattle, Amerika Syarikat dalam bulan November yang lalu antara lain adalah untuk mengelakkan APEC daripada menjadi satu kumpulan yang formal serta bertukar menjadi satu blok perdagangan yang baru yang tidak selaras dengan perinsip-prinsip

tersebut. Tambahan lagi keputusan untuk mengadakan Sidang Kemuncak tersebut bukanlah dibuat oleh negara-negara APEC secara consensus, dengan izin, tetapi lebih merupakan keputusan pihak Amerika Syarikat.

Dalam hubungan ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menghantar surat kepada Presiden Clinton untuk memberitahu bahawa beliau tidak dapat menghadiri sidang kemuncak tersebut dan berharap akan dapat berjumpa Presiden tersebut di satu masa yang lain. Presiden Clinton telah menyatakan beliau berharap akan bertemu Perdana Menteri di satu hari nanti.

Penyertaan Malaysia dalam mesyuarat-mesyuarat Peringkat Menteri APEC telah memberi peluang kepada Malaysia menjelaskan pendirian ke atas isu-isu tertentu serta juga memberi sokongan secara bersama ASEAN ke atas isu-isu tertentu dalam forum APEC. Secara khususnya, penyertaan Malaysia telah memberi peluang untuk bekerjasama lebih rapat dengan negara-negara APEC dalam bidang-bidang tertentu dan menikmati faedah melalui program-program dan projek-projek yang dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang projek-projek yang sedang dilaksanakan meliputi sepuluh bidang iaitu penggalakan perdagangan, data perdagangan dan pelaburan, teknologi industri dan pelaburan, pembangunan sumber tenaga manusia, kerjasama tenaga serantau, pemeliharaan sumber merin, telekomunikasi, pengangkutan, pelancongan dan perikanan.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu aktiviti APEC ialah berusaha ke arah memudahkan aliran perdagangan dan

pelaburan antara negara-negara ahli. Dalam hubungan ini, perlulah diingatkan bahawa rantau Asia Pasifik merupakan satu kawasan yang sedang pesat membangun dan berpotensi besar dari segi ekonominya. Kebanyakan negara-negara APEC pula merupakan rakan perdagangan dan pelaburan Malaysia yang penting. Usaha dalam memudahkan aliran perdagangan dan pelaburan dijangka dapat membantu dalam meningkatkan lagi hubungan perdagangan dan aliran masuk pelaburan ke Malaysia.

Datuk Haji Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa pemimpin-pemimpin utama negara-negara ASEAN mahulah terlebih dahulu berunding sesama sendiri sebelum menghadiri sebarang sidang kemuncak APEC di luar negeri?

Dan adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa persidangan yang akan diadakan di Jakarta nanti, kalau tidak sesuai, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun tidak perlu datang ke sana?

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana dalam sidang kemuncak tidak rasmi atau informal yang pertama itu bukan merupakan sebenarnya sidang APEC dan ia hanya merupakan satu jemputan peribadi oleh Presiden Clinton secara individu kepada setiap ketua-ketua negara dalam APEC atau negara APEC, maka tidak perlulah mana-mana ketua negara atau pemimpin itu berunding sama sendiri waima ianya di dalam ASEAN sekalipun kerana ini adalah jemputan secara individu.

Mengenai persidangan di Jakarta, kita belum tahu lagi sama ada akan

diadakan satu persidangan keraucak yang formal seperti di Seattle, kita tungguh keadaan apabila sampai masanya.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada tahun-tahun awal apabila APEC ditubuhkan, Amerika Syarikat tidak pernah menunjuk minatnya, tetapi pada akhir-akhir ini Amerika Syarikat baru menunjukkan minat yang luar biasa untuk mempergiatkan aktiviti-aktiviti APEC.

Apakah tujuan mereka ini, adakah mereka cuba memperkecilkan EAEC atau memandangkan bahawa ada banyak peluang di Asia Pacific ring, Amerika Syarikat cuba memainkan pengaruh yang lebih kuat ke atas negara-negara ahli?

Dato' Seti Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya semenjak dari awal lagi Amerika Syarikat ini memang sangat berminat, cuma yang benar-benar ditonjolkan untuk menjemput penyertaan ialah Australia dan Jepun, tetapi Amerika Syarikat memang minat dari mula. Bahkan dari awal lagi kita menyangkakan merekalah yang mempelopori APEC. Dan hari ini pun kita lihat mereka adalah begitu ke hadapan dalam mengutarakan program-program APEC, mungkin ini didorongi oleh Amerika berpendapat bahawa mereka tidak harus meninggalkan negara-negara di rantau ini kerana mereka tahu bahawa rantau inilah pusat perkembangan ekonomi di masa akan datang.

Dr. Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa ada suatu kumpulan, kumpulan orang-orang terkemuka ataupun eminent persons group yang telah pun menyediakan

suatu laporan mengenai perkembangan APEC bagi jangka masa panjang.

Saya ingin tahu apakah secara ringkas, syor-syor utama yang terdapat dalam laporan ini dan apakah di antaranya negara kita merasa tidak begitu senang dengannya?

Dato' Seri Rafidah Aziz: Terima kasih. Boleh dikatakan syor-syor ini terbahagi kepada dua kumpulan, satu ialah syor-syor jangka pendek dan jangka sederhana dan satu lagi ialah jangka masa panjang iaitu yang mereka katakan visi masa depan untuk APEC.

Dari segi jangka pendek dan sederhana, ia melibatkan program-program dan langkah-langkah yang boleh mengeratkan lagi hubungan ekonomi di antara negara-negara APEC terutama sekali meningkatkan perdagangan dan saling aliran pelaburan di antara negara-negara APEC misalnya merumuskan supaya ditubuhkan sistem data untuk pelaburan dan perdagangan, informasi dan lain-lain.

Ini adalah memang wajar kita lakukan, kalau tidak ada pun laporan ini, harus dibuat oleh negara-negara dalam APEC. Yang penting kita lihat di sini ialah visi jangka masa panjang di mana antara lain mereka ingin mewujudkan satu komuniti Asia Pasific (The Asia-Pacific Community) yang mana kita Malaysia dan Asia ragu mungkin akan dapat mewujudkan di masa akan datang satu blok perdagangan dan NPT yang tidak diinginkan diwujudkan. Dan begitu juga mereka ingin APEC ini menjadi satu struktur yang lebih gagah dan lebih 'formal' daripada sekarang. Jadi, bagi visi jangka masa panjangnya, Malaysia dan negara-negara Asia yang lain dan beberapa negara luar daripada

ASEAN juga tidak boleh menerima kerana kita masih berpegang kepada hakikat bahawa visi kita pada masa panjang, iaitu APEC masih sebagai satu forum longgar yang berorientasi kepada projek dan program kerjasama serantau antara Asia dan Pasifik.

"KEMENTERIAN PENSWASTAAN"— MEWUJUDKAN

9. Tuan Chong Chi Siong minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menubuhkan sebuah Kementerian baru bernama Kementerian Penswastaan untuk menjaga semua projek dan syarikat Kerajaan yang telah diswastakan, khususnya yang bersifat monopoli. Jika ya, bila akan dibuat dan jika tidak, apa pula alasan.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah Kementerian baru yang dinamakan Kementerian Penswastaan. Kementerian-kementerian yang sedia ada mampu menjaga kesemua projek dan syarikat Kerajaan yang telah diswastakan.

AGENSI PELANCONGAN — JUMLAH DILESENKAN

10. Tuan Ibrahim bin Daud minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan berapa jumlah agensi pelancongan yang telah mendaftar di seluruh negara setakat ini menjelang Tahun Melawat Malaysia 1994.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin

Suliman): Tuan Yang di-Pertua, sehingga bulan September, 1993 sebanyak 1,860 agensi pengendalian pelancongan telah dilesenkan di seluruh negara. Pecahan mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Agensi Pelancongan Dilesenkan</i>
Perak	73
Selangor	95
Pahang	46
Kelantan	23
Johor	201
Kedah	70
Labuan	9
Melaka	39
Negeri Sembilan	21
Pulau Pinang	214
Sarawak	170
Perlis	4
Sabah	127
Terengganu	34
Kuala Lumpur	734
Jumlah:	<u>1,860</u>

Datuk Haji Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tindakan yang akan diambil terhadap agensi-agensi pelancongan di Tahun Melawat Malaysia pada tahun hadapan jika mereka menaikkan kadar bayaran hotel di luar daripada apa yang tercatat di dalam kadar bayaran hotel? Dan adakah benar bahawa agensi pelancongan yang mengendalikan pelancongan di LIMA '93 telah menaikkan kadar bayaran lebih daripada apa yang ditetapkan oleh pihak hotel berkenaan dan jika benar, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, dari segi perjanjian di antara agensi yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dengan pihak hotel-hotel memang telah ditetapkan kadar hotel ataupun kadar yang dikenakan untuk pengunjung-pengunjung hotel. Walau bagaimanapun, terdapat agensi berkenaan telah menaikkan kadar tersebut lebih daripada yang ditetapkan di dalam perjanjian. Sepertimana yang kita ketahui, Yang Berhormat Menteri sendiri telah pun berhubung dengan agensi yang berkenaan dan telah memberi ingatan dan nampaknya mereka telah mematuhi arahan yang telah dikeluarkan oleh pihak Yang Berhormat Menteri.

Dato' Zainal Abidin bin Johari: Tuan Yang di-Pertua, daripada penjelasan Kerajaan tadi telah menyatakan bahawa 1,860 agensi pelancongan yang telah didaftarkan. Saya pohon penjelasan, berapa banyakkah agensi pelancongan bumiputera yang telah didaftarkan, dan bagaimanakah kedudukan, kalau boleh diberi pecahan, tentang syarikat-syarikat yang aktif, sederhana, lemah dan yang gulung tikar?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan ini, daripada jumlah tersebut, 894 adalah agensi pengendalian pelancongan bumiputera; bukan bumiputera ialah 837; dan usahasama, iaitu antara bumiputera dengan bukan bumiputera ataupun di antara tempatan dan luar negeri ialah 129. Daripada jumlah tersebut, iaitu 1,860 terdapat 682 agensi pengendalian pelancongan yang tidak aktif. Sebab-sebab tidak aktif itu kalau saya hendak sebut jumlahnya agak panjang, memadai saya sebut sebab-sebabnya, di antaranya adalah seperti berikut:

- (i) Agensi-agensi pelancongan telah menutup perniagaan

- mereka. Jadi lesen-lesen ini masih ada, tetapi mereka telah pun menutup.
- (ii) Dua puluh dua buah agensi pelancongan telah meminta agar lesen mereka dibatalkan, dan ini telah pun kita ambil tindakan.
 - (iii) Terdapat juga agensi pelancongan yang telah diluluskan, lesennya belum dikeluarkan, tetapi mereka telah meminta supaya perniagaan mereka ditutup, atas alasan mereka sendiri.
 - (iv) Lima ratus lima puluh dua buah agensi yang tidak aktif sejak tahun 1989. Ini adalah atas sebab-sebab mereka sendiri dan pihak Kementerian telah pun menghantar surat ataupun melakukan penyiasatan menanya pihak mereka apakah sebab-sebab mereka tidak aktif selama ini, iaitu daripada tahun 1989.
 - (v) Lapan puluh lapan buah lagi tidak dapat dikenal pasti kedudukannya kerana maklumat yang tidak lengkap. Maklumat yang saya maksudkan di sini kerana terdapat pada masa yang lepas, di mana agensi pelancongan telah didaftarkan atas Sendirian Berhad, tetapi tidak menamakan corak perniagaan mereka sebagai agensi pelancongan. Apabila kita pergi melihat alamat, mereka tidak ada. Jadi, kita tidak dapat kenal pasti di manakah tempat operasi, dan ini pun juga tidak aktif.

Langkah-langkah ini kita ambil bertujuan kita ingin menghapuskan daripada senarai kita mereka yang tidak aktif supaya kita dapat membuat kajian semula untuk memberi kepada mereka permohonan-permohonan yang baru yang berhasrat untuk mengendalikan perniagaan pelancongan ini.

KANAK-KANAK DAN GADIS — BILANGAN KES PENGANIAYAAN

11. Tuan Tiong Thai King minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) bilangan kes kanak-kanak yang dcederakan dari segi fizikal/emosi atau dianiayai dari segi seks dalam tahun 1991, 1992 dan 1993 di Malaysia, dan di Sarawak;
- (b) bilangan kanak-kanak yang hilang kerana diculik atau dilarikan dalam tahun 1991, 1992 dan 1993;
- (c) bilangan gadis-gadis yang hilang kerana dilarikan dalam tahun 1991, 1992 dan 1993;
- (d) apa hukuman yang boleh dikenakan pada penjaga yang terbabit dalam kes kanak-kanak tersebut; dan
- (e) apa hukuman yang telah dijatuh atau boleh dikenakan pada orang yang disabitkan kesalahannya berkenaan dengan kes penculikan atau pemelarian gadis itu.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan,

- (a) Bilangan kes kanak-kanak didera dari segi fizikal, emosi atau seks dalam tahun 1991, 1992 dan tahun ini sehingga September 1993 adalah seperti berikut:

**Jenis Kes Penganiayaan —
Semenanjung Malaysia**

<i>Jenis kes</i>	<i>1991</i>	<i>1992</i>	<i>1993 (hingga Sept.)</i>
Terdampar	32	71	18
Fizikal	575	468	208
Diabaikan	149	135	52
Seksual	51	61	27
Emosi/Psikologi	22	37	17
Lain-lain:	141	80	38
(i) Terjatuh			
(ii) Tidak terkawal			
(iii) Eksploitasi tenaga kerja kanak-kanak			
(iv) Kanak-kanak berisiko tinggi			
Jumlah:	970	852	360

**Jumlah Kes
Penganiayaan — Sarawak**

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah</i>
1991	43
1992	35
1993 (Nov.)	39

- (b) Bilangan kanak-kanak yang hilang dilaporkan kepada TELEDERA ialah:

1991	—
1992	12
1993	2

Perhidmatan TELEDERA menerima laporan kanak-kanak hilang sejak 22hb Julai 1992 sahaja. Untuk makluman Yang Berhormat, kanak-kanak yang hilang kerana diculik atau dilarikan sebenarnya hendaklah dilaporkan kepada pihak Polis.

- (c) Berhubung dengan bilangan gadis-gadis yang hilang, Kementerian saya hanya mempunyai perangkaan bagi tempoh Januari-September 1993 sahaja iaitu seramai 770 orang.
- (d) Hukuman yang boleh dikenakan kepada penjaga yang menganiayai kanak-kanak apabila disabitkan adalah didenda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya. Peruntukan ini adalah di bawah Akta Perlindungan Kanak-kanak, 1991.
- (e) Kesalahan bersabit dengan penculikan atau melarikan gadis boleh dikenakan hukuman di bawah Kanun Keseksaan.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen, adakah Kementerian beliau bersetuju bahawa mereka yang mencederakan kanak-kanak baik dari segi fizikal, emosi dan seks adalah dari kalangan mereka yang sakit dari segi "emosi" mereka. Kalau setuju, apakah rancangan ataupun tindakan Kementerian ke atas mereka yang berbuat sedemikian?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, kita tahu negara kita sudah merasai pertumbuhan ekonomi yang pesat dan tekanan hidup kepada orang-

orang bandar khususnya, adalah lebih berat. Tindakan Kementerian bukan sahaja dari segi undang-undang, tetapi kita memerlukan lebih banyak lagi pendekatan untuk kaunseling bagi memulihkan keluarga itu, bukan dari segi hukuman sahaja. Oleh kerana itu kita telahpun menggubal satu Akta iaitu Akta Perlindungan Kanak-kanak dalam tahun 1991 untuk menangani masalah ini. Selain daripada itu, kita harapkan kesedaran orang ramai bahawa mendera kanak-kanak adalah satu kesalahan yang memang dahsyat.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 40 adalah dijilid dalam buku berasingan).

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN 1993 (No. 2)(1993)

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **(13hb Disember, 1993)**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Puan Hajah Rahmah binti Saleh menyambung ucapannya.

3.34 ptg.

Puan Hajah Rahmah binti Saleh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya

menyambung ucapan saya pada 13hb Disember 1993. Tuan Yang di-Pertua, di dalam Maksud B. 26, di atas tajuk Kementerian Pendidikan, saya amat tertarik dengan apa yang telah dibicarakan oleh Yang Berhormat Datuk Nazri bin Abdul Aziz yang menyarankan supaya cara pendidikan lama dihidupkan kembali iaitu sebagai seorang pendidik atau seorang guru adalah merupakan seorang bapa kepada anak-anaknya. Pada pandangan saya, saya rasa sebengis-bengis seorang ayah, tidak akan tergamak bertindak ganas terhadap anaknya. Ibarat kata peribahasa "sejanas-ganas harimau, takkan memakan anaknya sendiri". Begitu jugalah pandangan saya bahawa apa yang telah diamalkan oleh tenaga pengajar cara lama. Eloklah Kementerian Pendidikan hari ini memikirkannya kembali supaya membolehkan seseorang guru dapat menggunakan rotan bagi mendenda mana-mana murid yang nakal, khasnya, jahat. Saya mendoakan semoga negara Malaysia yang kita cintai ini tidak akan ada pengisian Wawasan 2020 nanti rakyat yang bersifat kurang ajar sebagaimana yang telah berlaku di negara-negara Barat, mengikut kata Yang Berhormat Datuk' Nazri dan perkara ini juga kita sedia telah maklum bahawasanya perkara itu telah berlaku di negeri Barat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjadi seorang tenaga pengajar yang mempunyai sifat-sifat sabar serta prihatin amatlah sukar sekali. Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan syabas kepada Kerajaan, khasnya Kementerian Pendidikan yang telah menawarkan skim gaji baru termasuk tenaga pengajar di bawah Keraenterian Pendidikan. Sebagaimana yang kita sedia maklum, bahawasanya langkah Kerajaan menawarkan skim gaji di bawah Sistem Saraan Baru (SSB)

adalah bertujuan murni iaitu untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan serta hasil produktiviti pekerja. Sistem SSB ini diterima oleh hampir kesemua kakitangan Kerajaan. Hasilnya sudah menampakkan kejayaan walaupun ianya masih baru. Pada masa Kerajaan memperoleh hasil daripada sistem ini, rakyat mendapat faedahnya. Kita mendengar sungutan tidak puas hati di mana-mana sahaja seperti di media massa, di pejabat-pejabat hingga ke kedai-kedai kopi.

Tuan Yang di-Pertua, rasa tidak puas hati ini memang amat disedari oleh Kerajaan dan Kerajaan pula mencari jalan mengatasinya seperti dengan mengadakan satu sistem penilaian yang objektif. Sebagaimana sistem penilaian itu begitu objektif, namun keobjektifannya amat bergantung kepada mereka yang menjadi pengadil atau pegawai yang menilai, yang disebut juga sebagai "Pegawai Penilai". Mereka ini terdiri daripada ketua-ketua pejabat, ketua-ketua jabatan dan sebagainya. Kerajaan telah memperakui mereka yang tertentu yang bertugas sebagai Ketua Jabatan, sebagai "Pegawai Penilai" kepada hasil pekerjaan para pegawai di bawahnya.

Apa yang ingin saya tegaskan di sini ialah pihak Kerajaan hendaklah bertegas kepada mereka yang dilantik sebagai "Pegawai Penilai" kerana tanpa ketegasan, walau seobjektif mana sekalipun sistem penilaian, ia boleh diselewengkan dan ketidakadilan akan terus berlaku yang menyebabkan kakitangan bawahan yang layak akan diketepikan dengan begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dapat dikesan sejauh ini ialah ramai "Pegawai Penilai" atau Ketua Jabatan yang tidak mematuhi syarat-syarat yang

ditetapkan oleh skim penilaian sebenarnya. Umpamanya, Pegawai Penilai berdepan dengan masalah atau dilema untuk mengkonkritkan mutu nilainya. Mereka lebih mengutamakan pegawai yang boleh menaikkan namanya sendiri, sedangkan tujuan SSB ialah bukan untuk menaikkan nama atau mementingkan kenaikan pangkat Pegawai Penilai itu, tetapi untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan mempertingkatkan hasil produktiviti demi untuk memuaskan hati rakyat ramai.

Tuan Yang di-Pertua, yang sedang berlaku sekarang ialah para Pegawai Penilai atau Ketua Jabatan mengambil kesempatan untuk menjadikan pekerja bawahan mereka sebagai batu loncatan bagi menaikkan pangkat sendiri. Umpamanya, penilai-penilai ini akan cuba mempamerkan program/aktiviti yang menonjolkan dirinya dengan mempergunakan pekerja bawahan, sedangkan program atau projek itu tidak banyak memberikan faedah kepada masyarakat dan yang memerlukan. Sebagai contoh, terdapat Ketua Jabatan dan Pegawai Penilai yang mencantikkan kawasan pejabat atau sekolah dengan menggunakan wang yang banyak, dengan harapan ianya dapat dipamerkan kepada umum. Kakitangan bawahan yang memahami kegiatan Ketuanya itu terus bekerja keras dengan sering kali meninggalkan kewajipan rasmi. Contohnya, ialah guru-guru yang sering meninggalkan kelas kerana urusan projek Ketua Jabatannya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan harus sedar ataupun peka kepada Ketua Jabatan yang diamanahkan untuk menilai hasil kerja perkhidmatan pegawai bawahannya untuk kepentingan rakyat, supaya mereka

membuat penilaian sebenar berdasarkan skim yang sudah ditetapkan, Kerajaan hendaklah mencegah mereka daripada mempergunakan pekerja bawahan menjalankan program atau projek yang bertujuan untuk kepentingan peribadinya sendiri, yang mana projek itu memerlukan wang yang banyak yang diperlukan oleh rakyat, pelajar dan sebagainya. Jika Kerajaan tidak peka dan tidak bertindak tegas, hal ini amat merugikan rakyat sendiri dan rasa tidak puas hati kakitangan bawahan akan terus berlanjutan.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan sikap Pegawai Penilai, Ketua Jabatan atau wakil-wakil yang mereka lantik sebagai penilai, sudah terdengar bahawa ada pula kakitangan yang hampa untuk mendapat pangkat iaitu melintang atau menegak. Pada satu-satu tahun yang dinilai oleh Ketua-ketua Jabatan mereka, khasnya Jabatan Pendidikan, mereka merasakan bahawa untuk mendapatkan markah melintang atau menegak adalah merupakan impian yang tidak tercapai kerana Ketua-ketua Jabatan sudah pun mempunyai calon-calon bayangan mereka sendiri dan calon-calon bayangan ini telah dijanjikan oleh Ketua Jabatan atau para penilai itu supaya bekerja kuat bagi membuktikan yang mereka benar-benar berpotensi dan pada akhir tahun nanti, calon-calon ini berjaya mendapat anugerah melintang atau menegak. Maka, nilai yang mereka berikan adalah tepat supaya mereka yang benar-benar layak, calon-calon bayangan ini berbuat apa sahaja untuk membuktikan dirinya layak. Pada masa yang sama, pegawai-pegawai bawahan lain yang sudah menciumi helah ketua mereka akan menjalankan tugas sebagai ala kadar sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan hendaklah mencari jalan mengelakkan taktik Ketua-ketua Jabatan yang bersikap menyeleweng seperti ini kerana ia tidak menggambarkan kehendak Kerajaan mewujudkan sistem SSB. Tegasnya, sistem SSB adalah untuk Kerajaan mewujudkan perkhidmatan yang bermutu tinggi atau penghasilan yang maksimum. Untuk faedah rakyat jelata, bukan untuk faedah para penilai atau Ketua-ketua Jabatan naik pangkat dan mendapat imbuhan peribadi yang lumayan.

Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan mestilah mengadakan satu sistem penilaian untuk menilai kerja-kerja penilaian yang dilakukan oleh Ketua-ketua Jabatan tadi supaya mereka tidak menyeleweng. Dengan itu, kita akan mendapati penghasilan yang lebih berguna dan berganda dari apa yang kita dapati sekarang dan rakyat kita akan lebih yakin dengan adanya usaha murni Kerajaan mengadakan SSB di samping kakitangan bawahan lain, merasa adil dan tidak diperalat atau dipergunakan.

Sebenarnya masih ada satu faktor yang menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan kakitangan Kerajaan, selain dari faktor yang disebutkan tadi. Faktor kedua ini ialah masalah kuota yang sangat kecil untuk membolehkan kakitangan awam mendapat kenaikan gaji secara melintang atau menegak. Umpamanya, bagi setiap Jabatan yang mempunyai 100 orang pegawai, hanya 6 orang sahaja yang akan diberikan kenaikan gaji secara menegak dan melintang manakala kakitangan yang lain akan hanya diberikan markah mendatar atau statik. Jika kakitangan itu hanya memperolehi mendatar, gajinya hanya akan naik sebagaimana biasa sahaja. Sebahagian juga dinaikkan gaji tahunan biasa dan

kakitangan atau pegawai yang mendapat markah statik adalah mereka yang tidak akan berpeluang memperolehi sebarang kenaikan gaji.

Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya, semua kakitangan Kerajaan bercita-cita untuk mendapat pangkat atau markah, khasnya dalam Perkhidmatan Pendidikan sama ada melintang atau menegak oleh kerana peratus untuk diberikan markah melintang atau menegak ini terlalu kecil. Maka raraailah kakitangan yang telah berusaha bersungguh-sungguh tetapi tidak menerima apa-apa habuan yang mereka inginkan itu. Oleh kerana itu, ramai Pegawai Kerajaan yang merasa kecewa dan akan bekerja sekadar untuk mendapat kenaikan gaji biasa kerana mereka sudah dapat meramalkan bahawa mereka sukar untuk memperolehi markah kerana kuotanya terlalu kecil.

Sekarang ini sudah berlaku kejadian di mana pegawai-pegawai yang berjaya memperolehi pangkat melintang atau menegak akan cuba pula untuk mendapatkan markah yang sama pada tahun-tahun berikutnya kerana mereka tentulah tidak akan memperjudikan maruah mereka setelah mereka berjaya. Oleh kerana sistem kuota yang kecil, ada Ketua-ketua jabatan yang telah memberitahu mereka ini yang peluang untuk kali keduanya bagi mereka memperolehi pangkat melintang dan menegak tidak akan diberikan lagi kerana masih ada orang lain yang merupakan calon-calon bayangan yang baru yang akan diberikan markah-markah melintang atau menegak. Hasil dari tindakan Ketua Jabatan ini menyebabkan mereka yang berjaya mendapat markah melintang atau menegak pada tahun sebelumnya sudah pasti tidak akan diberikan lagi penilaian yang setimpal

yang pada akhirnya menyebabkan mereka menjadi pekerja biasa yang prestasinya semakin mendatar dan mungkin merosot.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi hal ini Kerajaan wajarlah mengubah sistem kuota kepada yang lebih munasabah atau dengan lain-lain perkataan, membesarkan kuota yang ditetapkan sekarang umpamanya kepada 20% atau 30%, supaya lebih ramai kakitangan yang akan berlumba-lumba untuk merebut peluang yang terbuka Juas itu di samping menggalakkan peningkatan prestasi kepada pegawai-pegawai yang telah berjaya pada sebelumnya. Dengan kata-kata lain, kuota yang agak besar ini akan menggalakkan kakitangan Kerajaan yang masih belum berjaya berusaha mempertingkatkan prestasi mereka dan di samping itu, Kerajaan masih berupaya mengekalkan kakitangan yang sudah pernah mendapat kejayaan yang cemerlang atau yang pernah mendapat pangkat melintang atau menegak terus memantapkan prestasi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, penambahan kuota kepada 20% atau 30% ini di samping menjadi daya penggalak kepada lebih ramai pegawai untuk merebut peluang dengan memberikan perkhidmatan atau menghasilkan produktiviti yang baik, ianya juga boleh mengatasi beberapa masalah lain. Umpamanya, Kerajaan dapat mengatasi masalah rasa tidak puas hati di kalangan pegawai-pegawainya yang bertugas di kawasan pedalaman, di pejabat atau di Jabatan yang baru dibuka seperti guru khasnya yang bertugas di sekolah-sekolah yang baru dibuka di mana mereka akan memulakan tugas di dalam serba kekurangan jika dibandingkan dengan guru-guru di sekolah yang sedia ada dan telah lama wujud.

Di dalam keadaan kuota yang terlalu kecil sekarang, kakitangan yang berkhidmat di kawasan jauh pedalaman yang menghadapi berbagai-bagai pengalaman pahit-maung kurang diberikan perhatian kerana mereka dinilai secara tidak adil. Keadilan hanya akan wujud jika mereka bertugas di bandar-bandar kerana di bandar-bandar mereka dapat dilihat oleh masyarakat yang berpelajaran, oleh Ketua-ketua Jabatan, oleh mereka yang menjadi Pegawai Penilai prestasi mereka sedangkan apa yang Kerajaan pentingkan ialah mewujudkan perkhidmatan yang cekap dan berkesan di luar bandar kepada rakyat miskin di pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, dengan membesarkan kuota kenaikan pangkat berdasarkan markah melintang atau menegak ini, nescaya mereka yang bertugas di tempat-tempat tersebut akan merasai juga nikmat keadilan dan daya usaha yang mereka lakukan dan akan menambahkan lagi keyakinan diri untuk memberikan khidmat dengan lebih cemerlang kerana mereka sedar habuan memanglah akan mereka dapati juga. Walau bagaimanapun, jika kuota kepada 30% atau sekurang-kurangnya 20% bagi setiap Jabatan ini dibukakan ianya tidaklah semestinya dipenuhi jika sekiranya tiada kakitangan yang layak.

Kerajaan hanya memberikan kuota yang lebih besar ini tetapi perlulah memastikan bahawa ianya akan diberikan kepada mereka yang berhak sahaja. Tegasnya, kenaikan kepada markah melintang atau menegak hendaklah juga berdasarkan skim kenaikan yang objektif. Justeru itu, kepada pegawai yang bertugas sebagai Pegawai Penilai hendaklah berlaku saksama dan objektif, adil serta bijaksana dan dengan membesarkan

kuota ini berkemungkinan Kerajaan akan dapat mengatasi dilemma Ketua-ketua Jabatan yang bertindak sebagai Pegawai Penilai itu dan kerja-kerja yang mereka lakukan sebagai Pegawai Penilai.

Sebagai rumusannya, Kerajaan seharusnya peka kepada masalah rasa tidak puas hati kakitangannya kerana jika perasaan ini berterusan, sistem SSB akan merupakan satu jerat atau perangkap kepada kebanyakan kakitangan daripada terus mempertingkatkan daya usaha untuk menyempurnakan perkhidmatan yang lebih cekap, cemerlang dan menghasilkan produktiviti yang diperlukan rakyat.

Kerajaan mestilah peka kepada Ketua-ketua Jabatan yang mempergunakan sistem SSB untuk faedah dirinya sendiri di samping memperbesarkan kuota kenaikan pangkat dan jika ada lagi masalah yang timbul selepas ini, Kerajaan seharusnya mencari jalan yang lebih menguntungkan semua pihak. Dengan itu, rasa puas hati dan rasa yakin kepada Kerajaan akan dirasai, bukan sahaja para pegawainya, malah masyarakat yang menanti-nanti nikmat yang diberikan oleh pegawai-pegawai Kerajaan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan ini, saya menyokong Akta yang telah dibacakan kali yang kedua ini dan saya ucapkan terima kasih.
Wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

3.52pg

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan

terima kasih kepada Tuan Yang di-pertua kerana telah memberikan keizinan kepada saya untuk turut sama mengambil bahagian dan juga seterusnya, menyokong Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Perbekalan Tambahan 1993 (No. 2) 1993.

Rang Undang-undang ini yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Yang Berhormat Senator Mustapa bin Mohamed memohon kebenaran untuk dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi RM94,154,300 daripada Kumpulan wang yang disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 1993.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum meneruskan perbincangan dan menyokong Rang Undang-undang ini, izinkan saya, bagi pihak kesemua rakan-rakan Dewan Negara mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan yang telah pun berjaya menduduki kerusi Majlis Tertinggi UMNO dengan cemerlangnya dalam pemilihan pada bulan November yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan juga syabas kepada Kementerian Kewangan yang telah pun berjaya menguruskan kewangan negara dengan baik dan juga dengan berhemah sekali. Untuk membahaskan Rang Undang-undang ini, saya akan menyentuh tujuh Kementerian ataupun Jabatan, iaitu mengenai Maksud B.1, B.17, B.20, B.22, B.26, B.47 dan juga B.49.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya ialah mengenai Maksud B.1, iaitu mengenai Parlimen. Mengikut Rang

Undang-undang ini, tambahan sebanyak RM7.1 juta telah pun digunakan untuk menampung bayaran beberapa elaun tetap dan juga kemudahan kepada Ahli-ahli Parlimen berdasarkan kepada Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980, untuk menampung Persidangan AIPO dan juga yang lain-lainnya.

Saya percaya, sebagai Ahli Parlimen dan juga termasuk ahli-ahli Dewan Negara, kita mengucapkan terima kasih di atas kenaikan elaun yang telah pun diumumkan dan telah pun dimulakan sejak akhir tahun ini. Tetapi, walau bagaimanapun, sebenarnya saya sendiri pun berasa malu untuk menyentuh soal saraan Ahli Parlimen ini kerana takut-takut ianya disalah anggap sebagai cuba memperjuangkan kepentingan peribadi pula.

Semalam, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mohamed Nazri telah pun menimbulkan soal perbezaan di antara ganjaran yang diperolehi di antara Ahli Parlimen negara ini dengan negara jiran. Saya hanya ingin menyentuh beberapa perkara, iaitu mengikut Saraan yang dikeluarkan mengenai kedudukan Ahli-ahli Parlimen, disebutkan di situ bahawa tuntutan Ahli Parlimen adalah mengikut setaraf dengan pegawai-pegawai Kerajaan Tingkatan Tertinggi 'F'. Saya juga sempat meneliti tentang kemudahan-kemudahan Ahli-ahli Parlimen yang telah pun diluluskan oleh Kerajaan.

Pertamanya ialah pinjaman kenderaan sebanyak RM24,000. Saya percaya, saya tidak tahulah sama ada pegawai-pegawai Kerajaan yang menduduki Tingkatan Tertinggi 'F' juga mendapatkan pinjaman sebanyak RM24,000 untuk membeli kenderaan. Saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh memberikan penjelasan. Saya percaya, dengan

pinjaman sebanyak RM24,000, hendak membeli setengah Proton Saga pun saya agak tidak boleh dalam keadaan sekarang.

Jadi, saya berharap, kalaulah Ahli-ahli Parlimen dianggap sebagai setaraf dengan pegawai Kerajaan Tingkatan Tertinggi 'F', saya mengharapkan kemudahan-kemudahan yang lain, biarlah juga setaraf dengan apa yang diberikan kepada pegawai-pegawai Kerajaan dalam Tingkatan Tertinggi 'F'. Kalau mereka itu mendapat pinjaman kenderaan lebih daripada RM24,000, kita berharap Ahli-ahli Parlimen juga diberikan kemudahan-kemudahan yang sama.

Yang keduanya ialah mengenai pinjaman perumahan. Dalam Saraan ini juga, telah dinyatakan bahawa pinjaman perumahan telah pun dinaikkan, dahulunya RM60,000, sekarang ini telah pun naik kepada RM72,000. Saya sendiri duduk di Wilayah Persekutuan, puas saya mencari rumah yang berharga RM72,000, melainkan rumah-rumah pangsa agaknya yang boleh dibeli dengan harga RM72,000.

Saya berharap pinjaman ini biarlah ditaraboh. Kalau hendak diberi, biarlah diberi dengan sepenuhnya, janganlah dibuat hanya sekadar RM72,000. Kemungkinannya dalam kawasan-kawasan luar bandar, RM72,000 ini boleh digunakan untuk membeli rumah-rumah, tetapi saya percaya kepada Ahli-ahli Dewan Negara, kepada Ahli-ahli Parlimen yang duduk di Kuala Lumpur ataupun dia duduk di bandar-bandar, saya fikir RM72,000 ini tidaklah memadai. Saya percaya rakan-rakan kita, pegawai-pegawai Kerajaan yang menyandang jawatan Tingkatan Tertinggi 'F', tentunya mendapat pinjaman lebih daripada RM72,000.

Yang keduanya mengenai saraan Ahli-ahli Parlimen ini ialah tentang kelayakan perjalanan. Dinyatakan dalam Saraan ini bahawa Ahli-ahli Parlimen—Ahli-ahli Dewan Negara hanya layak untuk mendapatkan Kelas Ekonomi. Saya tidak kisah sangat kalau kita berjalan di dalam negara sendiri tetapi apabila kita ke luar negara, kita adalah mewakili negara, bukan hanya mewakili diri sendiri. Saya fikir kita kena jaga juga status negara kita.

Baru-baru ini saya telah pergi mewakili negara ke satu Persidangan Ahli-ahli Parlimen di New Delhi, India dan apabila saya balik, saya telah dihantar oleh pegawai daripada Bahagian Protokol di India dan beliau biasanya 'take for granted' seolah-olah kami Ahli-ahli Parlimen di Malaysia ini, maklumlah Ahli Dewan Negara, tentulah duduk 'First Class'. Jadi, dia pergi check-in di kaunter 'First Class'. Kita pun segan juga apabila dia pergi check-in di kaunter 'First Class', kita nampak dia diarahkan pergi ke kaunter Kelas Ekonomi.

Saya pun tahulah apa yang telah berlaku pada ketika itu. Tetapi apa yang hendak saya jelaskan di sini ialah negara lain memandang tinggi kepada Ahli-ahli Dewan Negara, kepada Ahli-ahli Parlimen negara kita, kepada status negara kita, jadi saya berharap kepada pihak Kerajaan, kepada pihak Kementerian Kewangan, kepada Ahli-ahli Dewan Negara yang terpaksa ke luar mewakili negara, mewakili Dewan ini, kalau boleh berilah keistimewaan untuk menggunakan Kelas Pertama. Bukannya kita hendak sangat tiket Kelas Pertama tetapi semata-mata kepada saya, kita hendak jaga maruah negara kita. Setengah-setengahnya itu bukannya tidak mampu untuk duduk "First Class" ataupun sebagainya tetapi kadangkala apabila kita pergi ke luar

negeri kita kena duduk di Kelas Ekonomi, setengah kawan di Kelas pertama, saya pun rasa tidak sedap juga—sama-sama sekali duduk di Kelas Ekonomi. Kadangkala apabila kita pergi, sengaja kita turun melalui tangga "First Class", hendak tunjukkan kepada negara asing bahawa Ahli-ahli parlimen Malaysia ini pun tidak "koman" lah—duduk pun "First Class" juga. Jadi, walaupun perkara ini kecil, saya berharap perkara ini akan dapat diberikan perhatian oleh pihak Kementerian Kewangan.

Yang keduanya, saya ingin menyentuh mengenai Maksud B. 17—Kementerian Belia dan Sukan. Peruntukan sebanyak RM5.6 juta telah pun diluluskan, telah pun digunakan untuk menampung sebagai geran kepada Majlis Sukan Negara dan juga untuk Program Latihan Persediaan Sukan Komanwel pada tahun 1998. Walaupun sekarang telah pun hampir tahun 1994, empat tahun lagi kita akan menghadapi Sukan Komanwel, tetapi pada mata kasarnya kita dapati bahawa perjalanan persiapan Sukan Komanwel teramat lembab sekali. Kita berharap janganlah bila sampai kepada last minute atau saat-saat terakhir, barulah kita dengan tergesa-gesa menyediakan kemudahan-kemudahan. Biasanya kalau kita tergesa-gesa bila sarapai ke saat-saat terakhir, kita akan terpaksa membayar kos yang terlalu tinggi. Apabila kita membayar kos yang terlalu tinggi, bermakna rakyat terpaksa membayar kos yang tinggi untuk menyediakan kemudahan-kemudahan sukan ini.

Saya berharap kemudahan-kemudahan sukan untuk menghadapi Sukan Komanwel pada tahun 1998 akan dapat diatur dengan sebaiknya supaya ianya tidak dibuat pada saat-saat terakhir ataupun last minute.

Yang keduanya, mengenai Kementerian Belia dan Sukan, saya juga berharap supaya pihak Kementerian dapat memikirkan soal bagaimana cara kita hendak menggunakan masa yang kadangkala saya dapati semasa perlawanan akhir bolasepak umpamanya, baru-baru ini di antara Singapura melawan Kedah, walaupun pertandingan dimulakan jam 8.30 malam tetapi sejak jam 4.00 ataupun jam 3.00 lagi mereka telah pun masuk ke stadium. Boleh dikatakan 40,000 ke 50,000 penonton-onton telah pun masuk ke stadium dan saya dapati masa ini terluang dengan begitu sahaja. Antara 40,000 ke 50,000—kalau masing-masing masuk jam 4.30 petang, hendak menunggukan jam 8.30 malam, bermakna 4 jara seorang terluangkan masa kali dengan 50,000—maksudnya 200,000 jam terluang dengan begitu sahaja.

Saya berharap dalam masa-masa yang sederaikian, pihak Kementerian dapat memikirkan persembahan-persembahan yang boleh mendatangkan faedah kepada penonton-onton ini semasa menunggu pertandingan-pertandingan bolasepak ataupun sebagainya. Umpamanya, boleh diadakan pertunjukan yang boleh mendatangkan kesihatan seperti aerobik, jimmastik dan kalau boleh selitkan juga ceramah-ceramah mengenai kesihatan dan juga sebagainya supaya tidak terasa bosan mereka yang menunggu daripada jam 4.30 petang sehingga pertandingan diadakan dan dengan ini masa tidak akan terluang dengan sendirinya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai Maksud B.20—Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Tambahan sebanyak RM28.9 juta telah pun digunakan untuk keperluan belanja mengurus perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar

Malaysia (MATRADE) yang telah pun ditubuhkan pada tahun 1993. Kita memang mengalu-alukan penubuhan MATRADE ini yang raenjadi satu badan yang menyelaras untuk eksport kita dan juga untuk mencari pelabur-pelabur untuk datang ke negara kita.

Apa yang ingin saya sentuh dalam soal ini ialah mengenai misi-misi pelaburan yang dihantar ke luar negara. Saya dapati apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pergi ke luar negara barulah satu misi yang "high-powered" mengikuti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Biasanya Ketua-ketua Eksekutif dan juga pengerusi-pengerusi syarikat-syarikat besar akan mengikuti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam misi perdagangan ini. Tetapi kalau ada tujuan mereka itu, sama ada ingin mendapatkan perniagaan dengan negara-negara berkenaan ataupun ingin dapat peluang untuk bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, itu terpulanglah kepada mereka, Tetapi apa yang saya harapkan ialah tanpa adanya pemimpin-pemimpin negara juga, kita berharap supaya misi-misi perdagangan yang "high-powered" ini juga akan dihantar ke luar negara untuk mendapatkan pelabur-pelabur melabur di negara kita.

Satu lagi saya harapkan kepada misi-misi perdagangan yang ke luar negara ialah biarlah misi-misi yang terdiri daripada investment mission, bukannya misi perdagangan yang pergi daripada negara kita untuk membeli peralatan-peralatan daripada negara-negara yang berkenaan. Kalau ia hendak jual peralatan kepada kita, maknanya biar dia datang ke negara kita. Jangan kita pula hendak pergi ke negara mereka, lepas itu kita beli. Biar mereka datang ke negara kita, kerana kita sebagai

pembeli, tentunya kita boleh meletakkan terms dan juga sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh, boleh dikatakan setiap kali ucapan saya, saya selalu menyentuh Maksud B.22—Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Tidak berapa lama lagi iaitu mulai daripada tahun depan, kita akan mengadakan Tahun Melawat Malaysia 1994. Tahun Melawat Malaysia 1990 dan juga Tahun Melawat Malaysia 1991 yang telah dilancarkan telah pun mencapai kejayaan yang sungguh memberangsangkan. Lebih daripada 7 juta orang pelancong telah pun datang ke negara kita. Apa yang saya harapkan ialah tentulah kita telah pun belajar banyak daripada kesilapan-kesilapan, kekurangan-kekurangan yang telah pun kita lalui semasa kita mengadakan Kempen Tahun Melawat Malaysia yang lalu. Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan empat perkara.

Pertamanya, saya ingin mencadangkan supaya lapangan terbang kita ataupun pihak MAS sendiri menyediakan risalah-risalah (pamphlets) mengenai negara kita. Kalau pelawat turun sahaja daripada kapal terbang, dia ada 'pamphlets' mengenai negara kita dan dia boleh bawa, dia boleh tengok dan ada 'first-hand knowledge' sebelum dia turun menjejakkan kaki ke negara kita.

Yang keduanya ialah saya dapati setengah-setengah teks limousine di lapangan terbang kita menggunakan limousine yang—maaf cakaplah—kadang-kadang di negeri Jepun telah di'written-off' dan di Singapura pun telah di'written-off, barulah kita gunakan. Saya fikir kita sudah sampai ke tahap kita mampu menggunakan

limousine yang baru. Proton Saga pun ada limousine dan dikenakan syarat kepada pengusaha-pengusaha limousine supaya mereka ini tidak dibenarkan membeli limousine-limousine yang telah di'written-off. Saya takut setengah-setengah pelancong, mungkin 10 tahun dahulu dia datang ke Singapura menaiki limousine yang berkenaan, selepas itu dia sekarang datang ke Kuala Lumpur pun, mungkin beliau akan naik limousine yang sama juga. Jadi, kita berharap supaya limousine di lapangan terbang dapat dikenakan peraturan. Saya percaya pihak pelancong ataupun pihak-pihak yang menggunakan kemudahan-kemudahan lapangan terbang kita mampu membayar lebih sedikit kalau mereka itu mendapat limousine atau kereta yang lebih baik.

Yang ketiga, saya ingin mencadangkan supaya agensi-agensi pelancongan juga diberikan peranan untuk menjual tiket kereta api, tiket-tiket bas ekspres di samping menjual tiket-tiket kapal terbang seperti yang ada sekarang. Apa yang berlaku sekarang ialah kebanyakan pelancong-pelancong yang datang telah pun biasa di setengah-setengah negara maju ataupun negara-negara yang sedang membangun, yang sedang maju, mereka pergi ke agensi pelancongan, mereka boleh menyediakan 'itinerary' perjalanan mereka. Tidak payah lagi kalau hendak beli tiket kapal terbang pergi ke agensi pelancongan. Hendak beli tiket keretapi kena pula pergi ke stesen keretapi. Hendak pergi beli tiket bas ekspres, terpaksa pula pergi ke Pudu Raya atau Perhentian Bas Putra. Segala-galanya boleh dijadikan pusat setempat.

Ada pelancong yang mungkin datang ke Kuala Lumpur, dia ingin naik MAS dari Kuala Lumpur ke Ipoh.

Lepas itu, dari Ipoh pula, dia ingin merasa naik bas ekspres dari Ipoh ke Pulau Pinang dan lepas itu dari Pulau Pinang, dia ingin pergi ke Johor Bahru untuk merasa menaiki keretapi. Jadi, mereka ini tidak perlu bimbang lagi, sudah sedia. Pergi sahaja ke satu agensi pelancongan di Kuala Lumpur dia dapat beli tiket MAS di situ, tiket keretapi pun di situ dan tiket bas ekspres pun di situ. Saya percaya perkara ini boleh dilaksanakan dengan kemudahan-kemudahan yang ada sekarang. Dengan sistem komputer yang ada, saya percaya dengan kemudahan-kemudahan canggih yang ada sekarang ini, tentu ianya boleh dilaksanakan.

Perkara yang keempat ialah dengan banyak lagi pembukaan lebuhraya-lebuhraya, khususnya Lebuhraya Utara-Selatan, saya percaya ramai pelancong-pelancong akan berminat melancong ke seluruh negara kita ini dengan menggunakan lebuh raya, menaiki kereta ataupun sebagainya. Apa yang saya harapkan ialah pihak PLUS ataupun pihak-pihak yang berkenaan dapat mendirikan lebih banyak lagi tempat-tempat R&R - iaitu 'Rest and Restaurant', kalau tidak silap saya— seperti yang ada di Kuantan dan Terengganu, lebih banyak lagi dibina di sepanjang lebuh raya dan juga tempat-tempat yang tertentu. Kita pastikan tempat-tempat ini dijaga dengan baik, bersih dan dengan kemudahan-kemudahan yang lengkap untuk pelancong. Ini saya percaya boleh menarik minat pelancong-pelancong untuk datang melawat negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang Kementerian Pendidikan iaitu Maksud B. 26. Kementerian Pendidikan telah pun diberikan peruntukan RM6 juta

iaitu untuk penubuhan Institut Terjemahan Negara Malaysia. Saya percaya penubuhan institut ini pada suatu ketika, baru-baru ini telah pun dihebohkan dalam akhbar kerana seolah-olah telah pun dipolitikkan. Tetapi apa yang saya harapkan daripada Kementerian Pendidikan ialah institut ini akan menjadi sebagai satu badan yang meluluskan sebarang buku-buku yang diterjemahkan daripada bahasa-bahasa lain ke bahasa kita. Saya difahamkan sekarang ini siapa juga boleh menterjemahkan buku ke dalam bahasa kita tanpa perlu dikupas, dihalusi dan tanpa perlu mendapat kelulusan daripada mana-mana badan sebelum buku itu diedarkan. Apa yang dikhuatirkan ialah kemungkinan terdapat terjemahan-terjemahan yang kurang tepat yang boleh tambah mengelirukan pembaca-pembaca.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kementerian Pendidikan, saya juga ingin menyentuh tentang peranan asrama-asrama penuh. Ketika ini asrama penuh memang menjadi rebutan kepada ibu bapa kerana kononnya pada pendapat setengah-setengah ibu bapa, asrama penuh telah pun menunjukkan prestasi yang baik di dalam keputusan peperiksaan-peperiksaan, baik peperiksaan PMR, peperiksaan SPM ataupun STPM. Jadi, apa yang saya dapat melihat, setiap kali apabila selepas sahaja peperiksaan, baik Peperiksaan Penilaian Darjah VI, baik peperiksaan—dahulu SRP, sekarang ini PMR, ramai ibu bapa yang datang bertemu dengan tokoh-tokoh politik, termasuk saya sendiri, minta 'recommendation' untuk anak-anak mereka ini dapat tempat masuk ke sekolah-sekolah asrama penuh, Maktab Rendah Sains MARA dan juga sebagainya.

Apa yang menghairankan saya ialah dahulu tujuan kita mengadakan asrama penuh ini ialah untuk memberikan kemudahan kepada anak-anak luar, bandar untuk belajar dan mendapatkan suasana pelajaran yang baik. Kadangkala saya pelik memikirkan dan kepada Kementerian Pendidikan saya telah pun banyak kali bercakap, dalam soal pendidikan kita tidak boleh kompromi langsung. Jangan ada 'compromise' langsung dalam soal-soal pendidikan. Kalau sebuah sekolah asrama penuh hanya boleh menampung, katalah tahun ini untuk masuk ke asrama penuh, kita hendak 3,000 orang. Kita "take the best 3,000 students". Saya percaya ini boleh diprogramkan dalam komputer. Ambillah 3,000 murid yang terbaik dan pilih mereka ini sahaja. Jangan ada lagi boleh masuk ikut jalan belakang.

Jangan pula ada kuota—kata ini mesti anak Tentera, ada kuota anak Polis, ada kuota anak pegawai-pegawai Kerajaan, ada kuota anak pemimpin-pemimpin politik dan ada pula kuota-kuota Diraja ataupun sebagainya. Kita tidak mahu perbezaan. Biarlah asrama penuh ini dapat dimasuki oleh pelajar-pelajar ini "based purely on merit", dengan izin, dan tidak berpandukan kepada kuota-kuota tertentu.

Begitu juga, maaf, Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri, baik di Maktab Rendah Sains MARA pun begitu juga. Kita harap biarlah "purely on merit". Jangan ada kuota kerana anak pegawai-pegawai MARA mesti diberikan keutamaan. Kalau di sekolah-sekolah penuh Kerajaan pula, anak pegawai-pegawai Kerajaan pun mesti diberikan keutamaan. Lepas itu, ada pula Tentera kata, anak Tentera diberikan keutamaan. Nanti besok, petani pula kata anak petani mesti diberikan keutamaan. Jadi, susah kita hendak membuat 'decision'.

Kepada Kementerian Pendidikan, saya berharap tidak ada lagi tolak ansur dalam soal ini supaya setiap mereka yang masuk ke asrama penuh mengikut kriteria-kriteria yang ditentukan. Dan sepertimana yang telah pun saya katakan tadi, kalau ada 3,000 kekosongan, take the best 3,000 and no more compromise selepas itu—tidak ada lagi kompromi selepas itu. Jangan ada pula kata, kuota ini anak pemimpin-pemimpin politik ataupun sebagainya. Kadang-kadang kita yang menjadi pemimpin politik ini pun bingung dibuatnya. Dia kata, ini seolah-olah ada pula kuota politik, kuota ini dan kuota itu. Jadi, kita berharap kepada Kementerian Pendidikan akan bertegas di dalam pemilihan mereka untuk masuk ke asrama-asrama penuh yang didirikan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh Maksud B.49—Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Tambahan RM6.4 juta dikehendaki untuk menampung kekurangan peruntukan bagi badan-badan kawalselia pos, elektrik dan juga telekom. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos telah pun menyatakan bahawa setiap telefon yang tidak dibayar, kalau dipotong, upah pemasangan semula ialah RM50. Saya pun membuat perbandingan sedikit. Kalau kita tidak bayar bil telefon, selepas itu perkhidmatan telefon dipotong, saya percaya dalam sistem yang canggih sekarang ini tidak perlu tenaga untuk datang ke rumah kita, hanya dipetik sahaja mana-mana suisnya, lepas itu perkhidmatan telefon kita akan terpotong dan kita akan dikenakan denda sebanyak RM50. Kalau bekalan air pula, ini di bawah Kementerian yang sama, kalau bekalan air pula kita tidak bayar dan selepas itu pihak Jabatan Bekalan Air akan menghantar

pegawainya, akan datang ke rumah kita dan ambil meter kita, selepas itu kalau hendak pasang balik, sekali lagi dia datang dan dia pasang balik, tetapi bayarannya hanya RM10. saya fikir kerja dia lebih, tetapi bayarannya hanyalah RM10. Dan kalau bekalan elektrik pula dipotong, pegawai-pegawai daripada Lembaga Letrik Negara (LLN) ataupun sekarang Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan datang ke rumah dan potong bekalan elektrik, selepas itu kalau hendak pasang semula, beliau akan datang semula selepas kita bayar denda, dan denda yang dikenakan ialah RM3 sahaja. Jadi, di bawah satu Kementenan pun mungkin dalam servis-servis yang berlainan, denda yang dikenakan adalah berasingan.

Saya ingin mencadangkan dan saya tidaklah menentang denda-denda khasnya jika mereka yang liat, yang tidak ingin membayar bil-bil telefon tetapi pada saya RM50 ini adalah amat membebaskan. Saya mencadangkan supaya denda RM50 ini kalau rumah-rumah kediaman persendirian diturunkan kepada RM20, tetapi bagi premis perniagaan, syarikat-syarikat ataupun sebagainya dinaikkan kepada RM100, kerana mereka ini mempunyai banyak kemudahan. Dia ada mempunyai secretary, ada pegawai-pegawai, ada kerani untuk membayar dan sebagainya dan mereka ini tidak sepatutnya lalai. Bagi mereka ini kalau dibayar RM100 pun, kalau syarikat - dia dapat untung, dari segi 'net'nya yang dia bayar hanyalah RM60, kerana RM40 lagi kalau syarikat dia untung, dia kena bayar cukai juga. Sekarang ini kurang sedikitlah, tak sampai RM40, mungkin RM35. Jadi, saya mencadangkan supaya untuk rumah-rumah kediaman diturunkan kepada RM20 dan untuk premis perniagaan ataupun syarikat-syarikat perniagaan,

telefon-telefon yang didaftarkan atas nama syarikat perniagaan, saya fikir bolehlah dinaikkan kepada RM100.

Saya juga mencadangkan supaya sebagai pengguna, kalau kita lewat membayar, kita dikenakan denda sebanyak RM20. Sebagai pengguna, saya percaya, pengguna juga mempunyai hak. Telefon yang kita gunakan dikehendaki membayar sewa bulanan RM20. Sama ada kita pakai atau tidak pakai, banyak mana kita pakai pun, kita kena bayar sewa bulanan untuk 30 hari, kita kena bayar RM20. Apa yang terjadi, kadangkala setengah-setengah kawasan, daripada 30 hari, 15 hari telefon tidak boleh dipakai, tidak boleh digunakan.

Kalau ini berlaku, kita harap pihak Telekom juga boleh mengurangkan bayaran sewa bulanan. Kita juga berharap kerana kita bayar sewa RM20 untuk 30 hari, tetapi kita hanya boleh pakai 15 hari sahaja. Jadi, maknanya sewa bulanan untuk bulan itu pun dikurangkan kepada RM10. Saya fikir perkara itu tentulah adil (fair) kepada kepada pengguna. Kalau pengguna tidak bayar, dia kena bayar RM20. Dan kalau pihak Telekom pula gagal untuk memberikan perkhidmatan (service), mereka juga patut dikenakan penalti. Jangan hanya pengguna sahaja yang dikenakan penalti dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya timbulkan tentang Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos—Maksud B.49 ialah mengenai Perkhidmatan Telefon ATUR ataupun Celcom. Saya dapati sejak akhir-akhir ini, walaupun kita ada mempunyai telefon ATUR, tetapi agak susah kita hendak menggunakan pada masa-masa yang tertentu. Kadangkala dalam masa satu hari hanyalah sudah larut-larut malam ataupun tengah malam dan di

awal pagi baru kita boleh gunakan. Selepas sahaja masa-masa tertentu, 'the peak hours' biasanya kita tidak berpeluang menggunakannya kerana mungkin 'jam'. Jadi, saya berharap khasnya kepada badan kawalselia Telekom ini supaya menghadkan talian (line) yang dijual oleh pihak ATUR atau CELCOM, tentulah ada berapa yang dia boleh benarkan. Jangan dia pakai jual sahaja tanpa ada sekatan langsung supaya dihadkan. Kalau line dia hanya boleh menampung 6,000 telefon, hanya 6,000 sahajalah yang dia boleh jual. Kalau ada yang surrender, barulah boleh mereka ini menjulkannya. Kalau tidak, dia kena tambahkan lagi kemudahan-kemudahan. Kalau tidak, saya fikir sebagai pengguna kita tertipu membayar RM60 sebulan, lebih mahal daripada telefon biasa untuk dapat 'access', kononnya sebagai 'access fee' RM60 sebulan, tetapi hanya pada masa-masa yang tertentu sahaja kita dapat menggunakannya. Saya berharap juga, kalau boleh, difikirkan bagaimana caranya dikenakan sebagai penalti kepada pihak CELCOM kalau tidak dapat 'access' pada masa-masa yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, buat mengakhirinya, saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Pengangkutan. Kementerian Pengangkutan telah pun memohon sebanyak RM15.7 juta untuk menampung perbelanjaan agensi-agensi baru, khasnya Badan Kawalselia Penerbangan Awam, Perbadanan Aset Keretapi, Pasukan Pengurusan Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA. Saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Pengangkutan mengenai kesesakan lalu lintas yang berlaku sekarang, khasnya di Kuala Lumpur ataupun di Wilayah Persekutuan ini.

Apa yang kita dapati ialah kadangkala berlaku kesesakan ini kerana terlalu banyak sangat kereta. Ini

(accidents) yang berlaku pada ketika ini adalah disebabkan oleh pemandu-pemandu muda ini.

Menyentuh tentang kesesakan di Kuala Lumpur, saya juga ingin mencadangkan kepada Kementerian Kewangan supaya memikirkan agar sekolah-sekolah yang terdapat di tengah-tengah pusat bandar ini, dipindah atau dikeluarkan daripada pusat bandar. Saya percaya kalau sekolah-sekolah ini dikeluarkan, ianya boleh mengurangkan kesesakan yang berlaku. Mungkin pada satu ketika dulu, sekolah-sekolah ini berada jauh daripada pusat bandar. Saya percaya sekolah-sekolah seperti Sekolah Jalan Raja Laut, Sekolah Convent Bukit Nanas, Sekolah St. Mary dan juga sebagainya, pada satu ketika dulu mungkin dtanggap jauh daripada pusat bandar. Tetapi pada hari ini, kedudukan sekolah-sekolah ini tidak bersesuaian lagi. Inilah masanya untuk mengurangkan kesesakan di Kuala Lumpur. Saya percaya kalaulah sekolah-sekolah ini dapat dialihkan daripada pusat bandar, ianya dapat serba sedikit mengurangkan kesesakan.

Begitu juga dengan pasar-pasar yang terdapat di dalam Kuala Lumpur ini. Saya fikir telahpun sampai masanya, pasar-pasar juga hendaklah dipindahkan di kawasan-kawasan perumahan oleh kerana masyarakat Kuala Lumpur tidak perlu lagi pergi ke pasar-pasar seperti di Chow Kit ataupun sebagainya, untuk membeli-belah dan pasar-pasar ini bolehlah dipindahkan di kawasan-kawasan perumahan.

Begitu juga saya berharap pihak Kerajaan tidak akan menggalakkan penubuhan ataupun pembinaan supermarkets di dalam pusat-pusat bandar. Supermarkets juga sepatutnya telahpun

sampai masanya dipindahkan ke kawasan-kawasan pinggir bandar. saya percaya kalau ini dapat dilakukan, sekurang-kurangnya dapat mengurangkan serba sedikit kesesakan yang berlaku di Bandaraya Kuala Lumpur. Kita tidak mahu kesesakan yang berlaku sekarang ini akan menjejaskan pelaburan dan juga akan menjejaskan kepercayaan pelabur-pelabur asing untuk terus melabur dan juga untuk terus mencari peluang-peluang perniagaan di pusat bandar Kuala Lumpur.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya dengan segala hormatnya ingin menyokong Akta Perbekalan Tambahan 1993 (No. 2) 1993. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, silakan Puan Hajah Zaleha binti Hussin.

4.37 ptg.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan untuk mengambil bahagian dalam membahaskan suatu usul mengenai suatu akta yang dinamakan Akta Perbekalan Tambahan 1993 (No. 2) 1993.

Tuan yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa Kementerian. Yang pertama, saya ingin menyentuh dalam Maksud B.20. Saya ingin membawa satu perkara mengenai MATRADE yang ditubuhkan oleh Kerajaan yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pengeksport tempatan, di samping merangka dan melaksanakan strategi pemasaran eksport negara.

Saya amat bersetuju dan menyokong terhadap tambahan sebanyak RM28,953,200 yang telahpun

dikemukakan. Ini pada saya merupakan satu kebaikan dan tahniah kepada Kerajaan kerana tambahan ini dalam menggalakkan program galakan perdagangan terutama dalam galakan intensif pelaburan dalam negeri untuk meningkatkan pelaburan terutamanya dalam sektor industri kecil dan sederhana (IKS) yang wujud bertaburan dalam negara ini.

Cuma saya ingin bertanya kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, bagaimanakah kemudahan modal, kepakaran teknologi dan rantaian di bawah Program Pemasaran Konsep Payung yang berkesan dijalankan. Dengan ini dapatlah mengatasi industri kecil dan sederhana yang ada di antaranya terbiar dan tidak dapat pembelaan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ghairah kita meluluskan peruntukan Maksud B.20 ini, saya ingin tahu mengenai sektor perkilangan khususnya dalam industri elektronik dan juga industri berteknologi tinggi, masih lagi dipegang dan dikuasai oleh para pelabur asing. Dalam erti kata lain, pelabur asing yang telah memainkan peranan utama dalam memajukan ekonomi Malaysia, dalam kita berusaha untuk menjadi ekonomi perindustrian yang berdaya saing, apakah Kerajaan telah memberi perhatian yang sewajarnya terhadap penyertaan rakyat Malaysia itu sendiri, terutamanya pengusaha bumiputera.

Dalam sektor perkilangan, ternyata penyertaan pelabur bumiputera di bidang ini, iaitu sektor perkilangan, masih lagi rendah dan tidak memuaskan berbanding dengan penyertaan pelabur asing. Dalam mencapai status negara perindustrian, penglibatan rakyat dalam negara tersebut adalah penting terutama

dalam membentuk negara berkeperibadian yang besar. Apakah kita boleh berbangga dengan keadaan yang sedemikian sedangkan kekayaan negara telah dikaut oleh rakyat asing? Inilah satu persoalan yang perlu dijawab oleh pihak Keraenterian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyokong tambahan peruntukan dalam Maksud B.22 ini memandangkan keprihatinan Kerajaan dalam memajukan industri pelancongan negara dengan mamajukan industri pelancongan negara ini secara lebih agresif.

Kejayaan Tahun raelawat Malaysia misalnya, menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan terulung di rantau ini, malah kejayaan tersebut menguatkan lagi hasrat Kerajaan untuk meletakkan Malaysia dalam peta pelancongan dunia. Cuma saya ingin bertanya kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam menghadapi persediaan tahun melawat Malaysia 1994 yang hanya ada beberapa bulan sahaja lagi, sudahlah diambil kira dalam usaha menarik pelancong asing faktor yang terpenting ialah tempat penginapan, yang saya difahamkan sehingga kini negara kita mempunyai 1,104 buah hotel. Apakah ia sudah mencukupi? Apakah pekerja-pekerja di hotel sudah diberi latihan yang cukup untuk melambangkan penduduk Malaysia yang ramah dan berbudi bahasa serta cekap dalam membuat tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam persediaan ke arah membuat penginapan yang lebih baik dan tersusun, Kerajaan perlu meningkatkan keselamatan di hotel-hotel, supaya apabila berlaku sesuatu malapetaka kepada mereka yang berada di hotel-

hotel dapat segera diselamatkan. Persediaan ini perlu dibuat kerana apa yang telah berlaku kepada tragedi kondominium yang sekarang ini menjadi suatu tragedi besar negara. Apa yang membimbangkan kalau sudah berlaku suatu tragedi, tetapi kita nampaknya tidak mempunyai persediaan pakar-pakar, tenaga-tenaga mahir untuk mengatasi masalah tersebut, bahkan kita terpaksa mengimport kepakaran dan tenaga-tenaga mahir dari luar yang menghabiskan perbelanjaan yang begitu besar.

Saya mencadangkan kepada Kerajaan dalam gerakan kita mempertingkatkan pelancongan, di dalam Tahun Melawat Malaysia 1994 ini, Kerajaan perlu menubuhkan suatu Jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Malapetaka Bangunan. Di negara Malaysia kita mempunyai Jawatankuasa Malapetaka Banjir, Jawatankuasa Malapetaka Perairan kerana kita mempunyai laut-laut yang tidak terjamin, tetapi kita tidak mempunyai suatu jawatankuasa khusus untuk mengatasi malapetaka bangunan, sebab itulah apa yang sudah terjadi sekarang ini, kita dalam keadaan serba salah kerana tidak mempunyai kepakaran.

Sebentar tadi sebelum saya datang ke Dewan yang mulia ini, saya terdengar suatu berita dari TV3 menyatakan hampir 7 jam barulah mangsa itu dapat diselamatkan, di tempat yang didapati telah menghantar satu nota yang mengatakan 'Ia masih hidup'. Artinya kita tidak mempunyai kepakaran-kepakaran yang lengkap sedangkan dalam menuju Wawasan 2020, Malaysia akan menuju sebagai sebuah negara industri yang besar. Malaysia akan membangun dengan begitu pesat, maka penubuhan suatu

Jawatankuasa Malapetaka di bidang bangunan di atas mukabumi ini perlu diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, persediaan negara dalam menghadapi Tahun Melawat Malaysia 1994, tidak hanya terhad kepada menyediakan kemudahan infrastruktur semata-mata, malah rakyat kita perlu menunjukkan kesediaan menerima pelancong di Tahun Melawat Malaysia 1994. Kesediaan menerima pelancong ini menunjukkan kesudian serta merujuk kepada keramahan, kesopanan yang melambangkan kemesraan serta berbudi-bahasa. Hal ini penting kerana industri pelancongan bukan setakat meraih keuntungan, tetapi menonjolkan identiti bangsa dan meruah negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk membahaskan maksud B.43 iaitu Kementerian Undang-undang.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Undang-undang mengenai Enakmen Hudud yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan baru-baru ini. Sebagai seorang Islam yang bersyahadah kepada Allah S.W.T., saya tetap menyokong dan menghormati hudud yang telah dikanunkan oleh Allah S.W.T., kerana dalam al-Quran surah al-Baqarah, ayat 229, yang bermaksud "Itulah hukum yang ditentukan oleh Allah dan janganlah engkau cabuli akannya".

Kita tidak mempertikaikan soal hudud, kita tidak mempertikaikan kanun yang telah ditetapkan oleh Allah. Kita tidak mempertikaikan syariah itu, tetapi apa yang ingin saya bertanyakan dan saya juga memohon Kementerian Undang-undang menyatakan, apakah Kerajaan

Kelantan dalam pelarasan hukum hudud ini, ia telah mengadakan suatu penyelarasan atau pelarasan dengan Kementerian Undang-undang?

Saya difahamkan apa yang telah dinyatakan bahawa Kerajaan Kelantan yang telah memasukkan Enakmen Hudud dalam Dewan Undangan Negeri, tetapi tidak membuat persediaan langsung. Kerajaan Kelantan tidak membuat persediaan dalam pelaksanaan tersebut. Apa yang saya bimbang hudud yang akan dilaksanakan, hudud yang telah dimasukkan sebagai enakmen dalam Dewan Undangan Negeri, hanyalah sebagai suatu hukum ataupun sebagai suatu permainan politik untuk mengisi manifesto PAS dalam pelihanraya 1990 yang lalu.

Kita tidak mahu hukum Allah yang begitu suci dan bersih dipermainkan. Kita tidak mahu hukum Allah yang telah disyariatkan ini dijadikan sebagai alat, sebagai interest politik kepada parti PAS yang memerintah Negeri Kelantan. Apa yang perlu kita tanya ialah pihak Kementerian Undang-undang perlu membuat kajian terhadap suatu persetujuan mengenai hudud di Negeri Kelantan ini mengenai cara pelaksanaannya dan juga apakah persediaannya.

Saya ingin menegaskan sekali lagi, kita tidak mempertikaikan hudud, kita tidak mempertikaikan enakmen yang telah diluluskan. Soal yang penting ialah apakah persediaan yang telah dibuat oleh PAS dalam pelaksanaan tersebut? Itu yang menjadi pokok, kerana sebagai seorang yang pernah mempelajari di dalam bidang Ulumul Islam, atau ilmu-ilmu Islam ini, setahu saya dalam pelaksanaan hudud ini, yang penting ialah penentuan Hakim Syarie, hakim-hakim yang akan

melaksanakan hudud itu sendiri, latihan-latihan dan juga kecekapan dan kemahiran hakim tersebut perlu diwujudkan. Walaupun kita melihat kononnya apabila enakmen ini dimasukkan di dalam Dewan Undangan Negeri, selepas Dewan Undangan Negeri meluluskan, selepas Parlimen Malaysia meluluskan, barulah diwujudkan atau diadakan persiapan-persiapan tersebut. Bagi saya itu adalah suatu permainan politik. Itu adalah suatu bayangan semata-mata. Itu hanyalah suatu impian yang tidak ternyata, kerana ia seolah-olah ibarat seorang yang ingin membuat rumah, ia hanyalah melukis rumah itu di atas kertas semata-mata, melukis pelan yang begitu indah di atas kertas tetapi tidak mengenal pasti di mana tanahnya, di mana tapaknya, di mana tiangnya, di mana dindingnya dan di manakah lantainya, maka jawabnya sampai bila-bila pun ruraah itu tidak akan terbina. Begitulah juga dengan hukum hudud yang dibawa oleh PAS di Negeri Kelantan, persiapannya tidak ada.

Saya menyatakan mustahak persiapan kerana bukan sebegitu mudah untuk melantik Hakim Syarie, bukan begitu mudah dalam pelaksanaannya kerana seseorang yang hendak menentukan, saya beri contoh katakanlah dalam bab mencuri, 'asyaretlah', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Dalam bab mencuri potong tangan ini pun perlu mempunyai kemahiran yang begitu tepat bagaimana ianya hendak dipotong, kerana apabila sudah dipotong sebelah tangan, mencuri lagi sekali kedua, potong lagi tangan lain, mencuri lagi hatta dipotong sampai ke kaki. Ini hukum hudud. Kecekapan ini penting kerana kalau tidak mempunyai Hakim-hakim syarie yang benar-benar cekap, yang benar-benar mahir dalam pelaksanaan tersebut, kita bimbang

keadaan yang mana ini juga pernah diberi amaran daripada Rasulullah s.a.w. yang bermaksud, "kerusakan dan kehancuran umat yang terdahulu daripada kamu adalah mereka yang telah menjatuhkan hukuman-hukuman kepada mereka yang terdiri daripada yang merapunyai kedudukan yang tinggi, tidak menjatuhkan hukuman, tetapi menjatuhkan hukuman khususnya kepada mereka yang tidak mempunyai kedudukan yang baik".

Inilah juga yang dibimbangkan sekiranya berlaku terhadap hukum hudud yang dilaksanakan tanpa mempunyai persiapan yang terperinci.

Yang kedua, Mahkamah Khas. Mahkamah yang ada di seluruh negara, begitu juga Mahkamah Syariah yang ada di Negeri Kelantan pada hari ini ianya perlu diubahsuai mengikut hukum hudud. Dan mahkamah yang hendak diubah itu hanya juga perlu mendapat penyelarasan bersama daripada Kerajaan Persekutuan dan Parlimen Malaysia. Polis-polis yang akan bekerjasama dengan saksi-saksi hudud juga perlu diubahsuai dengan bentuk dan cara hudud itu sendiri. Bermakna berbagai-bagai mekanisme yang perlu diwujudkan dalam pelaksanaan hudud itu sendiri.

Keempat, perlu ada pindaan Perlembagaan Persekutuan. Dalam pindaan Perlembagaan Persekutuan, PAS perlu mendakwahkan orang-orang bukan Islam yang menjadi ahli-ahli Parlimen supaya akan wujud dua pertiga dalam Parlimen Malaysia sendiri dalam melaksanakan hukum hudud.

Yang kelima, saksi-saksi hudud. Orang yang akan menjadi saksi-saksi hudud adalah merupakan umat Islam yang ada di seluruh negara ataupun umat Islam khususnya yang ada di

Negeri Kelantan sekiranya Negeri Kelantan negeri yang pertama melaksanakan hudud, Orang-orang lelaki yang ada di Negeri Kelantan harus bersiap sedia, harus diberi penerangan, taklimat dan juga diberi latihan untuk menjadi saksi.

Secara ringkas saya menyatakan, kalau kita melihat pandangan daripada Dr. Wahbab Az Zuhaili dalam bukunya, "Al-Harbufil Islam" lapan jilid, yang menceritakan tentang sumber-sumber hukum-hukum hudud yang dapat dilaksanakan.

Mengikut pandangan Dr. Wahbab, dia menyatakan bahawa saksi-saksi hudud ini ada tujuh. Itu secara ringkas. Ada tujuh syarat hendak jadi saksi. Orang lelaki dalam Negeri Kelantan khasnya dalam negara Malaysia ini kena isi tujuh syarat:

- (1) Islam;
- (2) Lelaki;
- (3) Baligh;
- (4) Berakal;
- (5) Adil;
- (6) Berada dalam Majlis Persaksian; dan
- (7) Segera

Sebenarnya, yang lain begitu mudah tetapi soal adil yang amat susah. Kerana apabila hendak menjadi saksi, persaksian ini apabila menceritakan tentang adil, maka seseorang itu hendaklah tidak fasik. Bila sebut tidak fasik, ertinya seseorang itu hendaklah orang yang tidak melakukan dosa besar, orang yang tidak menmggalkan sembahyang, orang yang tidak berbohong, orang yang amanah. Maka saksi-saksi yang seperti inilah yang amat sukar didapati dalam negara kita. Sedikitpun, dia bohong juga.

Tuan Yang di-Pertua, ada masalah lagi iaitu masalah segera. Apabila berlaku sahaja persaksian melihat perkara itu berlaku, dia tidak boleh bertanggung, dia kena segera. Maka mempunyai satu teknologi yang tinggi dalam penyampaian perkara kemungkaran yang berlaku di dalam bab hudud ini dengan segera. Ertinya, pihak Kerajaan PAS Negeri Kelantan perlu membuat persiapan-persiapan secara ringkas seperti yang telah saya katakan tadi. Maka Kerajaan Malaysia di bawah Kementerian Undang-undang pun harus menjawab segala tuduhan-tuduhan yang telah dibawa oleh PAS kononnya Kerajaan Persekutuan tidak mahu melaksanakan hudud.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa Kementerian Undang-undang perlu menyatakan bahawa kita bukanlah menolak hudud, kita bukan tidak mahu menerima hudud itu sendiri, tetapi Kerajaan sedang membuat persiapan ke arah tersebut. Dalam membuat persiapan itu kita perlu menjaga matlamat pelaksanaan hudud itu sendiri kerana pelaksanaan hudud adalah melindungi maruah keturunan, harta-benda dan juga nyawa daripada gangguan dan juga daripada dicerobohi daripada mana-mana pihak yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah yang diperkatakan dalam Maksud B.43 ini, Kementerian Undang-undang perlu menyatakan dengan positif apakah sekarang ini saya lihat Kerajaan PAS dengan begitu sombong mendabik dada di Negeri Kelantan, sebelum saya datang ke mari di Dewan yang mulia ini, satu gerakan secara besar-besaran kononnya melancarkan hudud di Masjid Muhammadi Negeri Kelantan. Ia telah menyatakan bahawa sekarang dia telahpun membawa hudud dalam

Dewan Undangan Negeri. Sudah selesai kerjanya, dia adalah merupakan mujahid Islam yang ulung dalam negara ini. Tetapi sebenarnya dia telah mengabui mata rakyat, dia telah mempolitikkan hudud itu sendiri dalam hendak mengisi janji-janji dalam pilihanraya yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Maksud B.43 ini juga, saya tidak berpuas hati dengan jawapan daripada Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri sebentar tadi mengenai menangani masalah penyelewengan akidah mengenai Syiah dan juga Al-Arqam. Bila soalan tambahan telah dinyatakan, beliau hanya menyatakan Kerajaan telahpun memberi penerangan, Kerajaan telahpun menyampaikan maklumat, Kerajaan telahpun memberikan kursus dan sebagainya. Ini soal akidah!

Syiah dan al-Arqam telah dikenal pasti oleh Kerajaan Malaysia sebagai sebuah badan agama yang telah memesongkan akidah umat Islam dengan beberapa perkara yang telahpun lari dan tidak berada di atas landasan Islam yang sebenar. Ertinya, Syiah dan Al-Arqam adalah merupakan suatu yang membawa keracunan kepada akidah umat Islam dalam negara ini. Keracunan akidah ini adalah membawa *suatu* keburukan bukan sahaja kepada generasi sekarang tetapi kepada generasi yang akan datang.

Apabila Kerajaan mengisytiharkan mengenai pengharaman al-Arqam di seluruh negara, namun al-Arqam terus bertindak lebih besar dan lebih bertambah. Bahkan saya difahamkan di seluruh negara ini percambahan-percambahan mengenai markas-markasnya terus berlaku. Al-Arqam sendiri telah menunjukkan secara

terang, bahkan risalah-risalah Al-Arqam terus dijual tanpa ada sedikit pun tindakan yang positif daripada pihak Kerajaan. Kalau hanya memberi taklimat, kursus dan pandangan, ianya tidak cukup. Kerajaan perlu menggubal suatu undang-undang yang mengenakan satu tindakan dan juga denda yang benar-benar positif terhadap mereka yang telah menyelewengkan akidah umat Islam melalui pengajaran-pengajaran yang telahpun rosak dan karut yang boleh merosakkan akidah umat Islam.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Minta penjelasan, ya?

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, tadi Yang Berhormat ingin mengesyorkan kepada Kerajaan supaya dikenakan denda. Apakah bentuk-bentuk denda yang perlu dilaksanakan oleh Kerajaan kepada pengikut-pengikut dan juga pengajar-pengajar Al-Arqam ini?

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, kalau pengedar dadah dijatuhkan hukuman mandatori kerana dadah merupakan suatu perkara yang merbahaya kepada keadaan generasi pada masa kini dan pada masa yang akan datang. Apakah bezanya Syiah dan Al-Arqam kerana ianya juga merupakan keracunan akidah yang boleh merosakkan generasi yang akan datang. Kalau tidak sampai kepada denda mandatori tetapi biarlah ia merupakan denda yang agak berat supaya ianya dapat ditakuti dan digeruni oleh pihak yang menjalankannya. Ini seolah-olah menyindir kita. Saya melihat Al-Arqam seolah-olah ia menyatakan kepada Kerajaan, "Apa yang kamu buat" Aku sekarang

ini buat macam ini, macam ini, kamu tidak ada apa-apa tindakan. Apa yang kamu boleh buat kepada kami?" Seolah-olah itu pertanyaan yang dikemukakan kepada kita.

Pada saya, Jabatan Perdana Menteri sudah sampai masa dan ketikanya untuk menggubal undang-undang yang lebih berat kepada mereka yang terlibat dalam penyelewengan akidah Syiah dan Al-Arqam.

Timbalan Yang di-Pertua: Dalam dadah, hukuman mandatori adalah mandatori gantung.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Ya. Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah pakar undang-undang tetapi Kementerian Undang-undang dalam Maksud B.43 ini harus memikirkan apakah caranya supaya diselaraskan dengan Jabatan Perdana Menteri, apakah cara pelaksanaannya dalam membuat tindakan dan sama ada suatu undang-undang perlu digubal.

Saya melihatkan masalah Al-Arqam dan Syiah ini sudah kronik, sudah menjadi suatu penyakit negara yang sudah tidak dapat diubati lagi, kerana ia tahu dia buka markas, dia buka sekolah rendah Arqam, anak yang kecil yang masih putih dan bersih, ia sudah diterapkan dengan semangat-semangat Al-Arqam dengan memuja guru dan sebagainya. Anak-anak ini adalah merupakan pewaris generasi yang akan datang. Tetapi sekolah ini terus dilaksanakan. Sekolah Rendah AI-Arqam ini terus diadakan, diwujudkan, dibangunkan tanpa tindakan oleh mana-mana pihak Kerajaan sama ada Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan.

Sekarang ini kita ada Pusat Islam, kita ada Institut Kefahaman Islam yang baru sahaja diwujudkan, kita ada

berbagai-bagai agensi-agensi yang berbentuk ke arah ke Islaman ini, apakah tidak termampu Jabatan Perdana Menteri yang mempunyai begitu banyak agensi ke arah ke Islaman ini untuk menggubal undang-undang bersama Kementerian Undang-undang dalam menghapuskan penyelewengan akidah, Syiah dan Al-Arqam yang bercambah di seluruh negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, harapan saya, saya memohon kepada pihak Jabatan Perdana Menteri, janganlah memandang perkara ini enteng. Saya akan mengenal pasti setiap kali soalan dikemukakan tentang Al-Arqam, seolah-olah jabatan Perdana Menteri dalam Bahagian Hal Ehwal Islam ini melepaskan batuk ditangga sahaja. Jawabnya 'sudah pun diterangkan' 'sudah pun ditaklimatkan'—itu teori semata-mata, taklimat, penerangan—itu teori. Tetapi secara praktikal yang positif—tidak ada. Saya memohon sebagai orang Islam yang bersyahadah kepada Allah S.W.T. dan sebagai Ahli Dewan Negara yang mulia ini, kita tidak mahu lagi soalan-soalan mengenai Syiah dan Al-Arqam terus berkumandang di Dewan Parlimen, terus berkumandang di Dewan Negara tetapi tindakan positif daripada Kerajaan yang memegang tampuk pemerintahan ini tidak ada dilaksanakan dengan cara berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah Maksud B.43 ini, saya mengakhirkan, mengharapkan kepada Kementerian Undang-undang dalam dua perkara yang telah saya kemukakan tadi supaya pihak Kementerian Undang-undang dan Jabatan Perdana Menteri sama-sama dapat menyelaraskan agar melahirkan suatu penggubahan undang-undang yang benar-benar berkesan dan juga

memberi keuntungan dan manfaat kepada umat Islam di seluruh negara.

Ituiah empat perkara yang saya dapat menyentuh mengenai perbahasan Akta Perbekalan Tambahan 1993 (No. 2) 1993. Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Fu Ah Kiow.

5.05 ptg.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas peluang yang diberi untuk membahar Rang Undang-undang bernama suatu Akta Perbekalan Tambahan 1993 (No. 2) 1993 yang telah memperuntukkan sebanyak RM94 juta untuk beberapa Kementerian.

Saya ingin memberi sedikit pandangan terhadap peruntukan kepada dua Kementerian iaitu Maksud B.20—Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Maksud B.17—Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan semalam, peruntukan sebanyak RM28.9 juta untuk Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri adalah untuk perbelanjaan mengurus Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

Tuan Yang di-Pertua, struktur ekonomi negara kita telah banyak berubah sejak kita melancarkan Pelan Induk Perindustrian lebih kurang 15 tahun dahulu. Pada tahun 1970, 30% Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah terdiri daripada keluaran pertanian dan komoditi manakala sektor pembuatan cuma

menyumbang lebih kurang 18% pada KDNK. Akan tetapi gambaran ini telah berubah pada tahun 1992 di mana peratusan sumbangan KDNK oleh sektor pertanian dan komoditi telah turun daripada 30% ke-17%. Pada masa sama sumbangan daripada keluaran sektor industri telah meningkat daripada 18% ke 30%, tambahan pula pada tahun 1992, 70% jumlah eksport negara kita adalah terdiri daripada barangan pembuatan. Nilai perdagangan negara kita telah kian meningkat dan kini Malaysia telah menjadi negara perdagangan yang ke-21 terbesar, cuma di belakang Australia yang menduduki tempat nombor 20.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana negara kita mempunyai bilangan penduduk yang kecil, pasaran tempatan adalah terhad untuk barangan industri kita. Justeru itu, adalah sangat penting untuk negara kita memastikan kita berjaya merebut pasaran antarabangsa di samping sentiasa membuka pasaran baru.

Sehubungan ini, rakyat Malaysia harus menyanjung tinggi kepada usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang sendiri kerap kali membawa rombongan perniagaan melawat beberapa negara seperti Mexico, Chile, China, Amerika dan lain-lain untuk memperluaskan pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, pasaran antarabangsa merupakan satu sidang yang amat kompetitif, faktor menentukan kejayaan memenangi pasaran termasuk harga yang kompetitif, mutu barangan tinggi dan kosisten serta perkhidmatan yang memuaskan hati. Ini bermakna negara kita perlu sentiasa memperbaiki faktor tersebut untuk mempertingkatkan daya persaingan barangan pembuatan kita.

Kini Malaysia sedang menghadapi persaingan yang hebat daripada banyak negara termasuk China, Vietnam, Cambodia, Thailand, Indonesia dan negara-negara di Amerika Selatan. Negara tersebut bukan sahaja sanggup memberi insentif-insentif yang kompetitif untuk menarik pelabur asing, tetapi juga mempunyai tenaga buruh yang jauh lebih ramai dan lebih murah daripada Malaysia.

Untuk mengatasi cabaran ini, salah satu cara untuk pekilang kita ialah menggunakan, dengan izin, mass production technology, seperti automasi dan teknologi canggih agar kos pengeluaran kita dapat dikurangkan di samping meningkatkan mutu barangan mereka.

Malangnya kegunaan teknologi mass production, dengan izin, memerlukan pasaran atau order yang besar. Pendek kata, kos mutu barangan, pasaran dan teknologi pengeluaran mempunyai kekesan terhadap satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya huraikan gambaran di atas bertujuan untuk mengekalkan kepentingan peranan yang akan dimainkan oleh MATRADE untuk memperkukuhkan pasaran antarabangsa yang sedia ada dan juga untuk mencari pasaran baru supaya matlamat kita untuk mencapai 7% pertumbuhan ekonomi menjelang tahun 2020 tidak terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat Kerajaan perlu melantik pegawai yang benar-benar berkaliber dan berpengalaman untuk jawatan-jawatan di MATRADE. Mereka mesti berdedikasi, bertanggungjawab dan bersikap proaktif dalam usaha mencari pasaran. Mereka mesti menunjukkan prestasi yang diwajibkan atau, dengan izin, result oriented.

Untuk maksud itu, saya ingin mencadangkan supaya setiap Pejabat MATRADE diberi matlamat dalam bentuk bilangan nilai perdagangan yang mesti dicapai dalam sesuatu tempoh masa. Jika pegawai yang bertanggungjawab gagal mencapai prestasi yang diinginkan, biarlah Kerajaan mengambil tindakan tegas menukar pegawai yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya beralih kepada peruntukan sebanyak RM5.7 juta untuk Kementerian Belia dan Sukan. Walaupun saya sokong peruntukan itu, saya ingin sentuh sedikit-sebanyak berkenaan dengan budaya lepak. Baru-baru ini kita dapat tahu Kementerian Belia dan Sukan sedang mengambil tindakan mengatasi masalah budaya lepak di kalangan remaja. Saya berpendapat bahawa satu cara yang paling berkesan untuk menghapuskan budaya lepak ialah menggalakkan kalangan remaja menyertai aktiviti-aktiviti sosial yang sihat dan juga menyertai berbagai permainan sukan.

Justeru itu, saya ingin bercadang Kementerian Belia dan Sukan membina lebih banyak lagi pusat rekreasi dan sukan di taman-taman perumahan seperti pusat sukan dan rekreasi yang dibina oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di Bangsar, Kuala Lumpur. Pada masa sekarang kebanyakan taman-taman perumahan cuma mempunyai taman temasya mainan untuk kanak-kanak, tetapi pusat sukan dan rekreasi untuk remaja dan dewasa adalah sangat tidak mencukupi.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, maka dengan ini saya mohon untuk menyokong Rang Undang-undang yang dibahaskan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Untuk makluman, saya selalu dengar sebutan 'lepak', tetapi sebutan sebenarnya ialah 'lepak'. Silakan Tuan Haji Salleh bin Ali.

5.12 ptg.

Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali: *Bismillahir-Rahmanir-Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri bagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1993 (No. 2) 1993 dan saya suka memberi pandangan untuk sama-sama membincangkan permasalahan Kementerian yang kita sokong di atas perbelanjaan yang kita bentangkan.

Saya suka menarik perhatian dalam Maksud B.17 Kementerian Belia dan Sukan, peruntukan sebanyak RM5.69 juta. Kementerian ini adalah merupakan pendidikan kepada para belia, bukan sahaja untuk menghindarkan budaya lepak, tetapi untuk menghindarkan ketagihan dadah dan juga untuk menghindarkan pembuangan masa yang tidak menentu di kalangan belia pada hari ini. Oleh itu, adalah amat elok dan amat wajar sekali Kementerian ini dapat mempertingkatkan lagi dengan memben penekanan yang sungguh-sungguh kepada badan-badan belia yang telah aktif supaya dapat dipertingkatkan lagi keaktifannya dan kepada badan-badan belia yang hampir mati dapat dihidupkan kembali supaya ahli-ahlinya yang terdiri daripada orang-orang muda dapat menyertai aktiviti yang dirancang atau yang diaturkan dengan lebih berkesan lagi.

Di samping itu, oleh kerana Kementerian ini merupakan sebuah Kementerian yang bertanggungjawab mendidik dalam bidang kesukanan, adalah amat wajar oleh kerana pada tahun 1998 negara kita menjadi tuan

rumah Sukan Komanwel, seelok-eloknya dan seboleh-bolehnya penekanan hendaklah diberi supaya kita beroleh kejayaan yang cemerlang di daJam apa-apa acara yang dipertandingkan. Janganlah nanti kita jadi tuan rumah tetapi mendapat kedudukan yang terkebelakang dengan negara-negara lain yang menyertai sukan itu. Maka amatlah wajar sekali sekiranya diperlukan, wang yang agak besar perlu diluluskan oleh Kerajaan bagi mengimbangi kemajuan sukan dengan negara-negara yang lebih maju daripada negara kita.

Saya suka juga membincangkan dalam Maksud B.47, Kementerian Pengangkutan, peruntukan sebanyak RM15.7 diperlukan. Kementerian ini adalah merupakan nadi sama ada di darat, laut dan di udara. Ia juga merupakan penyambung, penghubung, pengerat, penggerak dan juga nadi ekonomi negara kita. Oleh itu, adalah diharapkan Kementerian ini memberi perhatian kepada negeri-negeri yang sedang membangun, terutamanya negeri-negeri di Pantai Tiraur. Kita tahu bahawa tahun 1994 adalah merupakan Tahun Melawat Malaysia—Negeri Terengganu merupakan negeri yang amat malang. Saya telah menempah tiket kapal terbang untuk datang ke Dewan ini pada hari Ahad petang. Saya terpaksa tunggu di Lapangan Terbang, tetapi saya terpaksa balik kerana ketiadaan tempat duduk, dan esoknya pula baru saya dapat datang. Kalau dahulu penerbangan daripada Kuala Lumpur dan berulang-alik sehari tiga kali, tetapi pada hari ini, sehari hanya dua kali sahaja. Negeri sedang membangun, tetapi kemudahan diperkurangkan, ini amat tidak logik sekali. Saya harap Kementerian Pengangkutan mengambil berat dan mengambil tahu di Terengganu supaya kekerapan penerbangan ini dapat ditambah lagi.

Ada satu peristiwa telah berlaku, yang mana ahli-ahli mesyuarat itu sebahagian besarnya datang daripada Kuala Lumpur, oleh kerana ketiadaan tempat duduk dalam kapal terbang, maka ahli-ahli tidak dapat hadir, mesyuarat itu terpaksa ditangguhkan ke tarikh yang lain. Kita bimbang di masa-masa akan datang akan berlaku lagi kekerapan ketangguhan ini bagi Negeri Terengganu. Inilah satu perkara yang amat malang sekali. Sudahlah Negeri Terengganu sebuah negeri yang tidak ada rel keretapi—usah dikatakan keretapi, rel pun tidak ada, dan kapal terbang pula dikurangkan, ini amat malang.

Timbalan Yang di-Pertua:
Bukankah di Bukit Besi ada rel keretapi?

Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali:
Itu keretapi untuk angkut besi. Kita hendak keretapi yang mengangkut orang. (*Ketawa*) Sebab itulah saya amat menyokong penuh saranan Datuk Haji Mohamed Nazri supaya landasan-landasan yang tidak digunakan, dipergunakanlah. Setiap kali kita mendengar atau mengambil ataupun menerima-pakai pandangan-pandangan daripada orang-orang yang ada kepentingan. Contohnya, pandangan-pandangan konsultan, mereka akan mencari projek yang mahal. Makin mahal projek itu, makin tinggi komisyen yang dia dapat, menyebabkan dia tidak mengambil kira asas yang telah ada pada masa ini. Kalau boleh, mereka cadangkan perkara-perkara baru supaya kos tinggi dan pendapatan kepada kompeni dia lebih tinggi. Perkara ini harus kita fikirkan juga.

Saya juga ingin membincangkan dalam Maksud B.49, Kementerian Tenaga, Pos dan Telekom. Saya amat menyokong penuh apa yang telah

dicadangkan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim Baba. Saya tadi hendak bercakap berkenaan dengan itu, tetapi saya sendiri merupakan Ahli Dewan yang paling miskin, tentang dipotong telefon—itu memang lazimlah. Yang menyedihkan, potong cepat, tetapi kalau ada kerosakan, lambat sangat diperbaiki. Ini yang pelik.

Pada masa ini di Negeri Terengganu dilanda musim hujan lebat, Apabila hujan ribut, maka berlakulah kerosakan. Bukan 5 hari sahaja rosak, 23 hari rosak, 3 hari sahaja boleh pakai, tetapi sewanya tetap sama. Pembaikan lambat tetapi dipotong amat cepat. Cabut fuis sahaja, sudah kena potong. Ini tidak menjadi masalah, tetapi kita harus fikir bahawa yang paling penting ialah perkhidmatan. Bayaran tidak dipersoalkan, kalau khidmat baik, bayar lebih tidak apa. Tetapi khidmat kurang baik, bayaran amat mahal sekali, seperti pandangan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Tuan Rahim Baba tadi. Adalah diharapkan mana-mana Kementerian, jangan memikirkan soal keuntungan yang lebih, akan tetapi kita mesti memikirkan juga service, atau khidmat yang diberi dan dilaksanakan, baharulah mendapat puas hati daripada orang yang menggunakannya.

Jadi, cukuplah ucapan saya secara ringkas pada petang. ini bagi menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Ding Seling.

5.22 *ptg.*

Tuan Ding Seling: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun dalam Dewan yang mulia ini untuk bersama-sama dengan rakan Ahli-ahli

Yang Berhormat yang lain untuk menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1993, dan bagi memperuntukkan wang itu untuk Maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memberi pandangan-pandangan saya kerana saya juga ghairah untuk menyokong kesemua butir-butir yang dibentangkan di sini, tetapi saya ingin mengambil peluang ini dan saya ingat sesuai juga masanya sebelum terlewat, pertama sekali untuk menyatakan syabas dan tahniah kepada semua pemimpin UMNO yang telah menonjolkan contoh yang begitu baik dalam pemilihan perwakilan yang telah berlaku tidak lama dahulu. Kita dari tempat-tempat pedalaman di Sabah dan Sarawak iaitu luar dari Semenanjung Malaysia memberi sokongan penuh dan juga mempunyai keyakinan penuh kepada pemimpin-pemimpin yang baru dan kita mempunyai keyakinan juga bahawa mereka ini akan, dengan izin, spearhead tindakan dan rancangan Kerajaan Pusat dan juga memimpin Kerajaan Negeri untuk menjayakan usaha-usaha supaya negara kita boleh mencapai tahap negara maju seperti yang digambarkan dalam Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh serba-sedikit dalam Maksud B.1, iaitu peruntukan RM7,156,800 yang dinyatakan untuk, antara lain, bayaran elaun tetap kepada Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan ini memanglah sesuai dan tepat pada

masanya oleh kerana negara kita ini adalah sebuah negara yang mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen, maka haruslah kita memberi sokongan penuh kepada cara yang menentukan supaya Sistem Berparlimen kita adalah kukuh, bukan seperti negara-negara tertentu, dan ada sebahagian dari negara jiran yang mempunyai sistem demokrasi tetapi sistem demokrasi mereka adalah begitu jauh berlainan dari konsep demokrasi yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai Maksud B.17, iaitu peruntukan untuk Kementerian Belia dan Sukan yang mempunyai amaun RM5.6 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa amaun ini adalah sesuai memandangkan bahawa belia negara kita adalah pemimpin masa hadapan kita. Saya bercakap demikian, oleh kerana sekiranya negara kita atau Kementerian tertentu tidak menumpukan atau tidak memberi perbekalan yang mencukupi untuk aktiviti-aktiviti yang positif kepada belia kita, maka belia kita akan dilepaskan ataupun membesar tanpa mendapat perhatian ataupun bimbingan yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga sedia maklum bahawa ramai belia-belia dari tempat-tempat pedalaman yang datang ke bandar-bandar. Kalau saya sebut di Sarawak, mereka pergi ke Miri, Sibul, Kuching. Mereka ini ramai yang datang dari tempat-tempat pedalaman. Jadi, mereka ini adalah antara muda-mudi yang mudah sahaja dipengaruhi oleh berbagai-bagai pengaruh, termasuklah pengaruh yang kurang baik. Misalnya, ada antara mereka yang menjadi orang yang 'melepak'—apakah sebutan itu betul? Atau pun yang hanya berjalan ke

sana sini tanpa haluan, kerana pertama sekali mereka ini adalah antara muda-mudi ataupun belia-belia yang mengikut orang-orang tua mereka ataupun abang mereka yang bekerja di bandar. Maka sekiranya mereka dibiarkan sahaja, tidak ada aktiviti-aktiviti yang positif bagi mereka, maka mereka ini bukan sahaja mudah dipengaruhi oleh pengaruh-pengaruh yang kurang baik seperti menghisap dadah dan sebagainya, malah mereka ini akan menjadi masalah yang besar kepada negara kita di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai sukan pula, seperti kita sedia maklum, sukan ini adalah satu daripada aktiviti negara kita yang begitu baik dan begitu bagus. Kita dari Sarawak sangat sukacita kerana beberapa tahun kebelakangan ini kita telah diberi peluang bukan sahaja untuk mengambil bahagian dalam Sukan Negara kita, tetapi juga menyelia ataupun menguruskan sukan kita. Jadi, dari segi aktiviti-aktiviti sukan itu, inilah satu dari caranya di mana kita yang jauh dari pusat atau dari Kuala Lumpur ini merasa ada sense of belonging, dengan izin, ataupun mempunyai 'root' dengan Pusat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya sokong peruntukan tambahan sebanyak RM5.6 juta itu adalah begitu tepat bagi masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Maksud B.20, saya rasa kini adalah tepat masanya bagi negara kita untuk membentuk MATRADE di luar negara supaya negara kita juga boleh diperkenalkan lebih lagi dari apa yang dilakukan sekarang. Tetapi di sini, saya ingin menyentuh sedikit mengenai MATRADE memandangkan ini adalah di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan

Industri, dan kita tahu bahawa Kementerian ini adalah bertanggung-jawab mengenai import eksport, khususnya import, misalnya dari segi vehicles dengan izin.

Maka di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan bahawa industri-industri yang berkaitan ataupun di bawah jagaan Kementerian ini hendaklah kita rancangkan dengan baik supaya industri-industri sokongan dari segi import hendaklah ditempatkan di merata-rata tempat di negara kita ini. Maksud saya, bukan kita tempatkannya di mana kurang ekonomi tetapi juga supaya industri sokongah kepada industri pengangkutan (transportation) misalnya, atau cars hendaklah ditempatkan bukan sahaja di Semenanjung Malaysia tetapi juga kalau boleh ditempatkan juga seperti di Kuching atau di Kota Kinabalu kerana kita sedia maklum dalam beberapa tahun yang sudah lepas ini, industri berat kita seperti pembuatan kereta negara sudah pun begitu berjaya dan industri-industri sokongan seperti membuat beberapa spare-parts belum lagi kita fikirkan untuk menempatkan industri itu di tempat yang lain selain daripada di Semenanjung ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya dalam usaha kita ghairah untuk memberitahu orang-orang luar negara kita ini mengenai aktiviti kita dalam perdagangan, saya ingin juga merayu kepada Kementerian berkenaan supaya memikirkan tempat-tempat ataupun bahagian-bahagian yang kurang cekap dari segi industri pembuatan-pembuatan hendaklah diperkukuhkan dan diperkuatkan juga seperti tempat-tempat di Semenanjung ini.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh juga Maksud B. 22 iaitu peruntukan sebanyak RM7.1 juta

untuk Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Saya sangat bangga dan kagum atas komen rakan saya, Datuk Haji Mohamed Nazri Abdul Aziz semalam, walaupun kebetulan pada masa itu saya keluar—oleh kerana terpaksa hendak keluar—tetapi saya kagum juga kerana beliau telah menyentuh mengenai perkara Sarawak iaitu berhubung dengan pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita sedia maklum, Sarawak adalah sebuah negeri yang begitu luas dan kita mempunyai 'nature' ataupun hutan, tempat-tempat kawasan yang masih lagi boleh kita katakan dalam bahasa Inggeris, unspoiled. Banyak tempat-tempat di mana 'natural beauty' adalah begitu baik dan banyak tempat-tempat itu belum lagi diutlised, dengan izin, tetapi sekarang kita telah juga lihat banyak tempat seperti Gua Mulu, yang mempunyai gua yang terbesar di dunia ini dan juga Gua Mulu itu, untuk makluman kita, Tuan Yang di-Pertua, ada sungai yang begitu sejuk—keluarnya dari gunung dan begitu jernih. Kalau kebetulan kita ke situ nanti, Tuan Yang di-Pertua, jangan lupa pergi ke tempat itu iaitu di mana sungai keluar dari gunung dan cubalah terjun di sana, rasa seolah-olah kita terjun dalam ais yang begitu sejuk. Jadi, perkara yang begitu, Tuan Yang di-Pertua, adalah yang dikurniakan oleh Tuhan Yang Maha Esa, yang beri kepada kita sebagai satu-satunya 'beauty' atau tempat-tempat yang boleh menggalakkan pelancongan di negara kita ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Macam mana hendak mandi kalau air sejuk macam ais? (*Ketawa*)

Tuan Ding Seling: Itulah yang menarik, Tuan Yang di-Pertua.

(*Ketawa*) Cubalah pergi, kalau ia sangat sejuk kita boleh keluar-lari pergi ke gua dan terjun lagi. (*Ketawa*) Untuk makluman, Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan di sini, banyak ikan di situ tetapi kita tidak boleh tangkap.

Mengenai kebudayaan pula, Tuan Yang di-Pertua, dalam Maksud B.24 ini, kita di Sarawak juga begitu kagum kerana boleh dikatakan kita telah memberi sumbangan sedikit-sebanyak kepada kebudayaan dan kesenian negara dari tarian dan sebagainya. Tetapi di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh sedikit walaupun kita dari segi kaum-kaum etnik tertentu begitu kagum melihat bahawa rakan-rakan kita dari kaum-kaum etnik yang lain termasuk juga rakan-rakan kita di Semenanjung ini juga belajar dan 'perform' kebudayaan kita seperti 'Ngajat' dan sebagainya.

Kita juga mencadangkan supaya 'performance' dan tarian-tarian itu hendaklah dilakukan dengan cara yang betul walaupun kita tahu bahawa orang-orang yang belajar tarian kita memanglah orang yang tidak biasa tetapi kita juga meminta supaya pelajaran atau cara-cara kita melakukannya hendaklah cara yang agak betul, bukannya jadi karikatur kerana itu tidak menonjolkan imej yang betul bagi kita.

Saya ingin sentuh perkara yang spesifik ataupun khusus iaitu mengenai satu alat muzik 'sapik'. Kita dengar walaupun bunyinya baik juga dipermainkan dalam sesuatu 'performance' tetapi apabila kita lihat rentak muzik itu dengan tarian yang ditonjolkan atas stage, memang jauh berbeza, tidak ada keseragaman ataupun harmoni langsung. Saya tidak lama dahulu di dewan makan di bawah sana pernah witness perkara ini berlaku dan saya mengambit kesempatan ini untuk menyatakan bahawa per-

formance seperti itu walaupun kita kagum ada lakukan tetapi kita memintalah supaya ianya dilakukan dengan betul.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengkritik mana-mana pihak sebenarnya tetapi ini adalah satu permintaan dan nasihat supaya kita menggambarkan satu imej yang betul supaya kebudayaan, kesenian kita dari segi etnik-etnik yang kecil itu adalah digambarkan dengan betul dan dengan itu kita pun begitu ghairah untuk mengajar ataupun menunjuk cara yang betul kepada orang-orang yang bukan dari etnik kita.

Sehubungan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin cadangkan supaya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ini menubuhkan, kalau belum, satu institut kebudayaan kesenian khusus untuk negara kita mempelajari dengan betul kesenian, kebudayaan kaum-kaum etnik yang kecil dalam negara kita ini.

Jadi, dengan itu, saya harap bolehlah kaum-kaum etnik yang kecil itu menyumbangkan dengan cara yang 'effective' atau berkesan kepada kebudayaan negara kita pada amnya. Maka dengan itu juga bolehlah mereka dari kumpulan yang kecil itu merasakan bahawa mereka adalah benar-benar orang Malaysia.

Saya sebutkan orang Malaysia di sini, Tuan Yang di-Pertua, maafkan saya menyeleweng sedikit, kerana ada juga kaum-kaum etnik tertentu yang dinyatakan bukan oleh kita orang Malaysia atau bukan oleh pemimpin kita tetapi dinyatakan oleh orang-orang luar seperti orang-orang dari NGOs (Non-Governmental Organisations) yang mengatakan bahawa orang-orang itu bukanlah warganegara Malaysia.

Saya sentuh khusus orang Penan di mana ada 'scholars' yang tertentu pergi dan tinggal dengan orang-orang Penan yang menyatakan bahawa orang-orang Penan menganggap mereka bukan orang Malaysia. Mereka menganggap bahawa mereka adalah orang asing kepada negara kita ini.

Jadi, ini adalah disebabkan bahawa orang Penan tidak ada hubungan yang langsung dengan pihak-pihak atasan ataupun pihak-pihak authority walaupun ada pegawai-pegawai Kerajaan, misalnya dari Negeri Sarawak yang khusus pergi ke tempat-tempat orang Penan untuk berbincang dan berhubung dengan mereka bagi memberi kaunseling kepada mereka supaya mereka boleh menyelaraskan fikiran mereka supaya memikirkan sebagai seorang rakyat Malaysia dan orang Malaysia, tetapi oleh kerana tempat-tempat mereka ini adalah di hutan, jauh dari kampung-kampung kaum etnik yang lain dan lebih jauh lagi daripada bandar-bandar, maka mereka itu merasa mereka terasing.

Jadi, dengan adanya institut-institut seperti yang saya cadangkan tadi, maka kita mungkin boleh membawa seorang dua, kalau boleh lebih lagi dari seorang dua daripada kaum etnik itu supaya mereka berada di institusi itu—mungkin bukan sepanjang umur mereka, tetapi sepanjang masa di mana mereka boleh menunjukkan ataupun memberi sumbangan yang tertentu kepada pegawai-pegawai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk mempelajari kebudayaan mereka, tarian mereka dan lagu mereka supaya mereka pun merasa bahawa mereka sudahpun didengar dengan begitu berkesan oleh pihak-pihak atasan.

Jadi dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong peruntukan

sebanyak RM7.1 juta untuk Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Seterusnya, saya ingin sentuh Maksud B.26, iaitu yang diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan, sejumlah RM6 juta. Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon maaf apabila saya bercakap dalam Dewan yang mulia ini, selalunya saya bantangkan perkara-perkara yang bukan selaras dengan pandangan-pandangan saudara-saudara yang lain dalam Dewan ini oleh kerana mereka bercakap dari pandangan golongan yang sudah pun developed ataupun mencapai ke satu tahap perkembangan yang begitu tinggi daripada golongan yang saya wakili.

Oleh yang demikian, saya ingin sentuh sedikit sebanyak mengenai aspek Kementerian Pendidikan—peruntukan yang digunakan untuk Kementerian Pendidikan di sini. Di sini, saya ingin menyeru kepada Kementerian Pendidikan supaya memberi lebih banyak perhatian kepada sekolah-sekolah yang di pedalaman, seperti di Sarawak dan Sabah. Di sini, apabila kita bercakap mengenai jauh ataupun di desa, mungkin konsep dan gambarannya yang ada pada kita tidaklah sama seperti yang dimaksudkan apabila saya bercakap kerana di Sarawak, apabila kita bercakap 'luar bandar', bermakna beberapa hari untuk sampai ke situ. Saya ingat di sini, di Semenanjung, apabila kita bercakap 'luar bandar', kita boleh sampai ke sana dengan menggunakan kereta dan mungkin dalam masa beberapa jam sahaja. Tetapi di Sarawak, kita masih lagi jauh sangat dari tempat-tempat yang boleh kita katakan 'developed' ataupun bandar.

Jadi, apabila saya bercakap mengenai sekolah-sekolah di luar bandar, saya maksudkan sekolah-sekolah yang hanya pegawai-pegawai pendidikan boleh sampai dalam beberapa hari. Kita perlu pergi dengan kapal terbang, sesudah itu mungkin naik teksi dan sesudah itu menaiki bot dan ada juga tempat tertentu di mana kita perlu berjalan. Jadi, ini mengambil masa, bukan satu atau dua hari, mungkin beberapa hari.

Jadi dengan itu, dengan latarbelakang begitu, inilah yang saya menyeru kepada Kementerian Pendidikan supaya boleh menumpukan perhatian lebih sedikit kepada sekolah-sekolah di luar bandar di Sarawak kerana kalau kita fikirkan, guru-guru ataupun guru besar yang ada di situ, apabila hendak menghubungi pejabat, adalah mengambil masa begitu lama. Kalau dia hendak menghantar surat pun, bagaimana dia menghantar surat? Mungkin dia terpaksa membawa surat itu untuk pergi ke pejabat dengan mengambil masa beberapa hari. Jadi, kalau dia berbuat begitu, dia juga khuatir mungkin pegawai atasan di pejabatnya akan menyoal kenapa dia datang. Dia terpaksa meninggalkan sekolah beberapa lama—satu minggu atau dua minggu hanya untuk meyampaikan sepucuk surat sahaja.

Jadi, dalam perkara begitu, disinilah saya ingin menyeru supaya Kementerian Pendidikan yang begitu arif juga memikirkan bagaimanakah cara meningkatkan tahap pendidikan di tempat-tempat pedalaman di Sarawak. Saya ada beberapa cadangan, tetapi saya ingat wakil Kementerian Pendidikan di sini memang sedia maklum mengenai perkara itu, tetapi saya ingin cadangkan, perhatian Kementerian Pendidikan itu di tiga peringkat. Pertama sekali ialah di peringkat prasekolah.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat prasekolah, seperti kita sedia maklum, Kementerian Pendidikan sudah pun mula mengadakan TADIKA di Sarawak, tetapi TADIKA-TADIKA yang diadakan di bawah Kementerian ini biasanya adalah di tempat-tempat di mana guru mudah pergi. Maksudnya, orang yang benar-benar memerlukan pendidikan prasekolah itu masih lagi dikebelakangkan. Jadi, saya ingin cadangkan supaya tempat-tempat TADIKA yang akan diadakan pada masa hadapan hendaklah di tempat-tempat yang benar-benar memerlukan pendidikan itu.

Yang keduanya ialah di peringkat sekolah rendah. Prestasi murid-murid dan kanak-kanak di sekolah rendah sekarang kalau dibandingkan dengan prestasi murid-murid dari bandar masih lagi kurang memuaskan. Saya gunakan hanya 'kurang memuaskan', sebenarnya saya ingin menggunakan istilah 'sangat memuaskan'. Bagaimanapun, ada juga tempat-tempat tertentu di mana prestasi mereka juga boleh memuaskan. Bagaimanapun, pada amnya, prestasi murid-murid di sekolah rendah di tempat-tempat pedalaman di Sarawak masih lagi begitu merosot.

Misalnya, dalam UPSR, ada sebuah sekolah dekat dengan kampung saya yang tidak ada seorang pun mendapat "A". Semuanya "D"—semuanya hampir gagal. Hendak mati pun tidak, hendak hidup pun tidak. Terpaksa juga pergi ke Tingkatan Satu. Jadi, dengan adanya perkara begitu, soalan yang saya selalu fikirkan, bagaimanakah murid-murid ataupun anak-anak dari golongan luar bandar seperti di tempat saya itu ataupun di tempat pedalaman di Sarawak boleh mencapai satu tahap pendidikan yang membolehkan mereka bersaing dengan kanak-kanak yang lain? Padahal mereka tidak faham,

tidak mencapai kelulusan yang cukup baik untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah. Jadi, apabila sampai ke Tingkatan 3 pula, hanya setakat dapat "lulus" sahaja, Jadi, seterusnya masalah mereka adalah begitu besar.

Saya menyeru supaya Kementerian Pendidikan memikirkan bagaimanakah caranya untuk meningkatkan prestasi anak-anak di luar bandar. Saya fikir satu daripada masalahnya ialah kualiti guru kita yang dihantar ke luar bandar. Biasanya mereka ditempatkan di situ dan mereka mengajar di situ dalam masa dua, tiga tahun. Ini adalah oleh kerana kebanyakan mereka adalah bukan orang tempatan. Jadi, apabila ditempatkan di tempat-tempat pedalaman yang begitu jauh, adalah natural bagi mereka untuk balik bukan sahaja ke bandar tetapi mungkin ke kampung mereka.

Jadi, apabila mereka memohon tahun demi tahun untuk keluar dari situ dengan alasan yang betul dan begitu bernas, misalnya hendak dekat kepada keluarga dan sebagainya, maka oleh kerana pertimbangan perikemanusiaan Kementerian Pendidikan pun menukarkan mereka balik ke tempat yang dipohonkan. Ini bermakna tempat mereka diganti atau diambilalih oleh guru-guru yang tidak begitu berpengalaman lagi iaitu guru yang baru lulus atau tamat daripada maktab-maktab perguruan. Jadi, budak-budak yang di sekolah pedalaman itu sentiasa sahaja dididik oleh guru-guru yang belum lagi mempunyai pengalaman.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menganggap bahawa guru-guru baru keluaran daripada maktab perguruan ataupun di universiti itu bukanlah orang-orang yang tidak berkaliiber. Saya tidak menganggapkan

begitu tetapi maksud saya ialah pengalaman untuk mendidik budak-budak untuk menentukan bahawa pendidikan mereka itu adalah dengan betul, bukan sahaja dari segi mengajar mereka membaca, menulis tetapi dari segi pendidikan yang seluasnya.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada guru-guru selalu sahaja bertukar itu ialah dari segi kemudahan yang ada di luar bandar. Di Sarawak dan mungkin juga di Semenanjung ini banyak sekolah-sekolah yang begitu usang, dibangunkan beberapa puluh tahun dahulu—ada yang sepuluh tahun, ada yang dua puluh tahun dan dibangunkan secara gotong-royong. Jadi, sekolah-sekolah yang begitu kualiti pembangunannya memanglah kurang baik. Setelah beberapa tahun, kata orang tempatan "mubuk"lah—tidak kuat lagi. Jadi kalau ribut datang, ia mudah tumbang.

Jadi, apabila guru-guru yang biasa tinggal di tempat yang begitu baik dan selesa di bandar ditempatkan begitu, maka rainatnya pun turun—bagaimana hendak mengajar di sini. Bangunan sekolah pun begitu usang. Jadi, mungkin dia hendak lari ataupun dia tidak begitu berminat. Walau bagaimanapun, banyak juga pelajar-pelajar kita ataupun guru-guru kita yang berusaha tinggal menetap di situ dan telah memberi khidmat yang boleh kita katakan cukup baik. Jadi, saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada mereka yang berbuat begitu. Bagaimanapun, oleh kerana guru-guru juga adalah orang biasa, manusia biasa, memang mereka juga memikirkan bahawa mereka hendak keluar dari tempat itu secepat mungkin.

Itu dari segi kemudahan fizikal, Tuan Yang di-Pertua. Dari segi kemudahan-kemudahan lain seperti lampu, air

bersih dan sebagainya, ini juga hendaklah difikirkan untuk sekolah-sekolah luar bandar supaya guru-guru muda yang baru kita tempatkan di situ —saya masih lagi fikirkan konteks Sarawak—supaya guru-guru baru yang kita tempatkan di situ tidaklah begitu tidak selesa apabila tinggal di sana sambil memberi perkhidmatannya untuk mendidik anak-anak kita di luar bandar.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya fikirkan sekolah menengah rendah. Kita mempunyai banyak juga sekolah-sekolah menengah rendah, maksud saya dari Tingkatan 1 sampai Tingkatan 3 di luar bandar di Sarawak. Di situ kemudahan-kemudahan adalah cukup selesa kalau dibandingkan dengan sekolah rendah. Tetapi saya ingin merayu juga di sekolah-sekolah seperti itu hendaklah difikirkan supaya kemudahan bagi budak-budak seperti perpustakaan (library), buku-buku bacaan hendaklah dibekalkan dengan mencukupi kerana ramai budak-budak dari luar bandar yang belum mempunyai kebudayaan membaca apabila mereka datang ke sekolah dan apabila mereka lihat buku yang sudah usang, sudah tua dan tidak banyak buku perpustakaan, maka minat mereka pun tidak tertarik apabila melihat keadaan seperti itu. Kalaulah buku banyak ataupun buku yang menarik kepada mereka dibekalkan supaya pertama sekali minat mereka untuk membaca ditingkatkan maka mungkin mereka dengan sendirinya mempunyai minat untuk membaca dan mencari ilmu sendiri.

Jadi dari aspek itu, Tuan Yang di-Pertua, di peringkat sekolah-sekolah menengah rendah mahu pun sekolah menengah atas yang tidak jauh dari bandar di Sarawak itu hendaklah dibekalkan dengan buku-buku bacaan

yang berbagai, misalnya majalah-majalah mahu pun juga newspapers, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan sekolah menengah dan sekolah rendah di Sarawak, saya sekali lagi ingin menyeru supaya Kementerian Pendidikan memikirkan supaya mengadakan sekolah yang merupakan sekolah berasrama penuh. Maksud saya di sini, bukan berasrama penuh seperti apa yang kita ada sekarang tetapi maksud saya adalah sekolah yang mempunyai kemudahan yang lengkap seperti apa yang ada di Semenanjung Malaysia ini.

Kita sebenarnya di Sarawak mempunyai banyak sekolah-sekolah berasrama di mana hampir 90% budak-budak yang pergi ke situ adalah duduk atau tinggal di asrama. Tetapi apabila kita meneliti tempat-tempat mereka seperti asrama mereka dan kemudahan-kemudahan yang lain, maka kita lihat kurang sesuai juga. Apabila mereka bandingkan asrama mereka dengan rumah panjang mereka ataupun rumah kampung mereka, tiada bezanya tetapi lebih selesa lagi di rumah kerana ada bilik dan rumah sendiri.

Tetapi apabila mereka lihat dan bandingkan rumah asrama mereka, mereka berkongsi katil dekat dengan seorang yang lain dan katil mereka itu bukanlah begitu selesa dan dinding-dindingnya pun begitu usang, maka saya rasa dari aspek itu, Tuan Yang di-Pertua, budak-budak yang mudah sahaja kecewa itu mungkin tidak suka tinggal di sekolah. Dia lihat di tempat-tempat berhampiran di situ ada kem pembalakan yang rumahnya mungkin lebih kurang sama dari segi keselesaan, jadi mereka pun mungkin hendak keluar, hendak bekerja, tidak usah lagi bersekolah.

Jadi, dari segi aspek ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merayu kepada Kementerian Pendidikan supaya memikirkan untuk menempatkan sekolah-sekolah berasrama penuh yang mempunyai kemudahan-kemudahan yang begitu mencukupi, bangunan yang cukup baik, bukanlah indah tetapi cukup baik dan kemudahan-kemudahan seperti perpustakaan, makmal, tempat guru yang begitu selesa dan juga tempat-tempat bagi sukan yang begitu baik supaya budak-budak itu tertarik melihat tempat itu sebagai satu institusi dan minat mereka dapat ditingkatkan untuk meneruskan pelajaran mereka. Tanpa begitu, saya ingat sekolah-sekolah berasrama biasa di merata tempat di Sabah dan Sarawak, saya rasa hanya murid-murid ataupun kanak-kanak yang mempunyai didikan yang begitu teguh oleh ibu bapanya sahaja yang mempunyai fikiran ataupun minat yang berpanjangan untuk meneruskan pelajaran mereka. Ramai daripada mereka itu hanya pergi ke sekolah kerana dihantar oleh ibu bapa sahaja. Setakat mana mereka ada di situ, mereka hanya duduk tunggu gagal, barulah mereka keluar.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi merayu supaya Kementerian Pendidikan mengadakan sekolah-sekolah yang begitu baik dan selesa untuk menjadi 'example' ataupun tarikan kepada murid-murid tempatan supaya mereka lihat itu adalah sebagai satu institusi yang menarik dan mereka pergi ke sekolah itu untuk 'graduate' daripada sekolah-sekolah yang baik itu.

Saya juga mengucapkan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan sekolah ini memang saya tahu ada banyak sekolah-sekolah berasrama penuh dan sekolah-sekolah khas yang

telah ditubuhkan di Sarawak dan kesemua ini adalah ditempatkan di bandar ataupun dekat dengan bandar. Kesemua sekolah ini adalah dipenuhi oleh budak-budak bumiputera yang telah menunjukkan keyakinan kebolehan mereka untuk melanjutkan pelajaran. Walau bagaimanapun, hanya segelintir sahaja mereka yang dapat pergi ke situ. Ramai mereka yang lain adalah pergi ke sekolah-sekolah asrama biasa.

Sehubungan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, mengenai sekolah tadi, saya juga merayu Kementerian Pendidikan supaya senantiasa memberi penyeliaan kepada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab kepada sekolah iaitu guru besar dan pengetua sekolah-sekolah rendah dan sekolah menengah kerana kebanyakan guru-guru besar atau pengetua sekolah tinggal jauh di Sarawak, sepertimana yang saya sebutkan tadi, jauh dari pusat pentadbiran, mungkin tidak mempunyai minat untuk melakukan sesuatu ataupun tidak mempunyai inisiatif untuk memperbaiki sekolah dan meningkatkan minat murid-murid.

Jadi, dari segi aspek itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merayu kepada Kementerian Pendidikan supaya memperkukuhkan lagi pentadbirannya dan mengadakan hubungan rapat dengan guru-guru besar dan pengetua-pengetua sekolah yang tinggal jauh itu. Bukan yang dekat—yang dekat itu tidak apa kerana boleh menghubungi pihak-pihak atasan melalui telefon ataupun memandu kereta selama sejam atau dua jam, sampailah ke Pejabat Pendidikan ataupun Kementerian Pendidikan. Tetapi untuk mereka yang tinggal jauh itu, mereka inilah yang mempunyai banyak masalah yang harus ditumpukan perhatian oleh pihak atasan untuk menyelia dengan begitu rapat.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merayu juga supaya pengambilan guru ke maktab-maktab perguruan kita adalah dirancangan. Kalau boleh, lebih ramai lagi. Kalau boleh, mereka dari luar bandar yang mempunyai kelayakan mencukupi diambil untuk dilatih dan ditempatkan semula di tempat-tempat pedalaman itu. Saya fikir di sini juga ada orang-orang Penan. Saya minta maaf kerana selalu sentuh orang Penan kerana lebih kurang 5% daripada mereka ini masih lagi merayau di hutan di Sarawak dan mereka itu mempunyai masalah untuk mendidik anak-anak mereka. Bukan sahaja masalah mendidik anak-anak mereka tetapi juga mereka sendiri mempunyai masalah untuk mendidik diri untuk menetap.

Jadi dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merayu kepada Kementerian Pendidikan supaya memberi perhatian dan peluang kepada orang Penan untuk dilatih lebih lagi, khususnya dari golongan yang telah menetap seperti dari pihak Suai dan Ulu Belaga dilatih dan selepas lulus ditempatkan di sekolah-sekolah di mana rakan mereka masih lagi 'nomad' di situ supaya apabila mereka yang 'nomadic' itu melihat pencapaian mereka yang telah menetap, mereka pun mungkin berfikir supaya mereka sendiri hidup tetap dalam satu tempat, tidaklah secara 'nomadic' dan dengan itu boleh menumpukan perhatian untuk meningkatkan tahap hidup mereka. Bukan 'hunting and gathering' tetapi berhuma ataupun berladang. Jadi, dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong peruntukan RM6 juta untuk Kementerian Pendidikan.

Seterusnya, saya ingin menyentuh Kementerian Undang-undang, Maksud B.43 iaitu peruntukan sebanyak RM11.2 juta. Tuan Yang di-Pertua,

lebih kurang setahun dahulu, dalam Dewan yang mulia ini, kita telah membincangkan dan meluluskan satu Rang Undang-undang di mana kita telah membenarkan Dewan Undangan Negeri meluluskan 'Native Code Ordinance'. Jadi, di Sarawak, kaum Dayak, Iban dan Orang Ulu iaitu kaum saya sendiri, telah pun mensistematisasikan adat resam kami sendiri yang mempunyai kesan atau efek kepada undang-undang.

Dari aspek ini, saya ingin bukan sahaja di sini setakat maklumat tetapi saya ingin merayu kepada Kementerian Undang-undang supaya mengadakan taklimat ataupun 'public education' kepada mereka yang bukan sahaja profesional dalam bidang undang-undang ini tetapi kepada ketua-ketua masyarakat di Sarawak. Walaupun perkara ini di dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri tetapi saya ingin sentuh juga perkara ini supaya Kementerian "Undang-undang memikirkan satu cara untuk menghubungi dan meninggikan tahap kebolehan ketua-ketua masyarakat seperti di Sarawak dan mungkin juga di Sabah supaya mereka boleh menggunakan undang-undang yang digunakan oleh mereka itu ataupun berkuatkuasa dalam masyarakat mereka dengan betul dan berkesan kerana kita dapati ketua-ketua masyarakat kita sekarang di Sarawak adalah orang-orang tua dan ada di antara mereka yang buta huruf dari segi membaca dan menulis.

Jadi, kefahaman mereka mengenai undang-undang itu ataupun adat yang mempunyai kesan undang-undang kepada masyarakat yang dikawal-selia oleh mereka adalah yang difahami melalui lisan ataupun melalui ibu bapa mereka dahulu, bukanlah melalui apa yang telah disistematisasikan.

Jadi, dari aspek itu, Tuan Yang di-Pertua, kadangkala kita lihat dari segi apa yang sepatutnya dan yang tersurat adalah berlainan dari apa yang dilakukan. Dalam erti kata yang lain, pengendalian undang-undang di situ adalah kurang tepat. Oleh yang deraikian, adakalanya orang-orang tempatan iaitu anak biak ataupun ahli masyarakat di situ akan membongkar ataupun melawan kepada ketua masyarakat mereka. Jadi, di sini kita lihat bagaimanakah pihak atasan ataupun Kerajaan untuk menguruskan perkara itu; di sebelah pihak ketua masyarakatnya telah melakukan satu kesalahari dan di sebelah pihak lagi adalah ahli-ahli masyarakatnya yang telah menyatakan itu telah salah tetapi cara kita menyelesaikan perkara itu adalah agak bermasalah sedikit.

Jadi, dalam aspek ini, Tuan Yang di-pertua, saya ingin merayu supaya Kementerian Undang-undang mungkin mengambil satu langkah di mana 'public education', dengan izin, kepada ketua-ketua masyarakat kita mungkin dengan kerjasama Kerajaan Tempatan dan Kerajaan Negeri untuk memberi pendidikan dan pendedahan kepada ketua masyarakat kita. Dengan itu, saya ingin sekali lagi menyokong perbekalan RM11.2 juta kepada Kementerian Undang-undang.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu perkara lagi iaitu Maksud B.49—Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Saya sekali lagi bercakap di sini sebagai seorang dari luar bandar dalam satu negeri di Malaysia ini yang masih lagi luas kampung-kampung dan tempat-tempat orang duduk yang belum lagi mempunyai bekalan elektrik, perkhidmatan telekomunikasi dan pos. Saya sedar bahawa perkara itu adalah perkara sejarah kita di Sarawak, oleh

kerana negeri itu terlalu besar dan juga perkembangan pembangunan kita memanglah begitu terkebelakang kalau dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung ini.

Walau bagaimanapun, saya ingin merayu supaya Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos membuat rancangan supaya sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa di seluruh pelusuk negara Malaysia ini dibekalkan dengan tenaga elektrik dan perkhidmatan telekom dan pos. Saya ingin menyeru di sini supaya kenyataan beliau itu hendaklah di 'carry-out', khususnya dengan cara sistematis supaya tempat-tempat tertentu di pedalaman Sarawak ada tenaga elektrik, perkhidmatan telekom dan pos itu. Maksud saya di sini, supaya ada pusat-pusat tertentu yang ada perkhidmatan itu dan dari situlah perkhidmatan itu akan berkembang nanti kepada tempat-tempat yang memerlukannya.

Sehubungan dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, mengenai tenaga, saya ingin merayu mengenai rancangan Kerajaan kita untuk membina Projek Bakun di Ulu Kapit. Sepertimana kita sedia maklum, pembekalan elektrik yang akan dibekalkan dari hidro itu adalah begitu besar dan kerja-kerja yang akan bermula nanti adalah begitu besar juga. Saya ingin merayu agar Kerajaan Pusat sebelum melaksanakan projek itu nanti hendaklah memberi penerangan yang begitu mencukupi kepada orang-orang tempatan, supaya bukan sahaja mereka dapat penerangan yang mencukupi tetapi juga boleh membuat persediaan dari segi psikologi dan juga perdagangan supaya mereka dapat mengambil bahagian dalam projek yang besar itu nanti.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini iaitu Rang

Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1993 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Haji Jamaludin, dipersilakan.

6.17ptg.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1993 yang berjumlah tidak melebihi daripada RM94,154,300.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dua-tiga perkara di dalam hal perbelanjaan. Yang pertamanya, Maksud B.1—Parlimen. Apa yang saya tahu hari ini, sepertimana yang telah diucapkan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan semalam, tetapi di sini saya ingin menyentuh masalah elaun pinjaman perumahan. Ahli-ahli Parlimen ini hanya dibenarkan meminjam RM72,000. RM72,000 kalau difikirkan masalah duduk di bandar, perbelanjaannya berlainan. Kalau duduk di kampung, lain caranya. Oleh sebab itu, tambahan-tambahan ini saya rasa adalah perlu difikirkan kembali oleh Kementerian Kewangan mengenai masalah elaun perumahan Ahli-ahli Parlimen.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, pinjaman kereta RM24,000. RM24,000 ini bagi kereta Proton Saga 'secondhand' pun sudah lebih daripada itu. Saya rasa adakah Ahli-ahli Parlimen hendak pakai kereta Proton Saga secondhand datang ke Parlimen,

ke Dewan Rakyat, ke Dewan Negara yang mulia ini. Dari segi logiknya, bukan kita mengatakan bahawa tidak berterima kasih kepada Kerajaan, kita berterima kasih kepada Kerajaan. Tetapi hanya merayu supaya elaun pinjaman kereta ini dapat ditambahkan sedikit dari RM24,000 itu dijadikan sebuah kereta Proton Saga Wira yang hari ini berharga RM54,000, jadilah, tak hendak banyak, sikit sahaja. (*Ketawa*) Kita tak hendak banyak, dapat sikit, jadilah. Kita tak hendak macam orang Negeri Sembilan masuk suku, dia hendak masuk habis semua. (*Ketawa*) Tak apa, asalkan dapat full. Ini RM24,000, harga tayar sahaja bagi sebuah kereta kalau jenama yang baik itu harganya hampir RM350 bagi satu tayar, belum termasuk tiubnya lagi, dikali dengan empat tayar dan tayar 'spare' ada satu, jadi lima, kalikanlah itu—fasal kira-kira ini saya kurang sikit—siapa hendak kira, kirakanlah.....

Timbalan Yang di-Pertua: Tayar tak pakai tiub lagi sekarang!

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Tak payah tiub—'tubeless', tak apa. Di kampung biasa pakai tiub, Tuan Yang di-Pertua. Sebab kalau pakai tiub ini, kalau pecah, dia tidak pecah sekali, ada tiub itu lagi di dalamnya. Jadi, ini masalah kereta.

Beralih pula kepada masalah elaun hotel RM80 tanpa resit. Saya juga merayu kepada Kementerian Kewangan supaya masalah elaun hotel Ahli Parlimen ini dinaikkan RM150 tanpa resit. Seolah-olah saya berjuang untuk Ahli Parlimen kerana Maksud B.1 ini adalah untuk elaun-elaun Ahli Parlimen, maka saya hendak bercakap masalah elaun dahulu. Dinaikkan RM150, selepas itu kalau ada peluang ke luar negeri tetapi peluang hendak

ke luar negeri bagi Ahli-ahli Dewan Negara ini susah sekarang. Terlalu-Ialu susah hendak dapat pergi ke CPA meeting atau peluang hendak melawat ke luar negeri. Memang Ahli-ahli Dewan Negara ini susah hendak dapat pergi.

Saya tidak tahu apa sebab. Hantar borang, terima, isi, hantar ke Parlimen balik, tetapi tidak berjawab langsung sama ada dapatkah atau tidak dapatkah, orang sudah pergikah atau sudah balikkah, apa cerita, tidak tahu! Inilah dia. Hendak menjadi ahli, isi dan hantar borang, kita semua menjadi ahli. Disuruh bayar, bayar tetapi peluang untuk melawat ke luar negeri bagi Ahli-ahli Parlimen, lebih-lebih lagi bagi Ahli Dewan Negara ini, jarang! Boleh kira dengan jari berapa orang yang sudah pergi. Berapa orang yang sudah pergi, cuba angkat tangan. Saya rasa tidak sampai suku pun yang dapat pergi lagi. Ada orang-orang yang tertentu sahaja yang dibenarkan pergi.

Perlu juga bagi saya menyuarakan hal ini untuk kita, Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat yang kurang bemasib baik untuk dapat ke luar negeri, ke mana sajalah. Nanti balik-balik kata ada orang yang kompelin, "aku sudah berpuluh kali pergi ke London, London, London, sudah naik muaklah". Dia kata hendak pergi ke Afrikakah, Kanadakah atau ke Australiakah, berilah peluang—kita ramai! Takkan muka itu sahaja, kalau cantik pula, tak apalah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu masalah elaun. Jadi, walaupun elaun hotel saya sudah cakap, masalah perumahan saya sudah cakap, masalah kereta saya sudah cakap, lepas itu berulang-alik dari rumah ke Parlimen ini. Misalnya, yang duduk di Kelangkah, yang duduk di Petaling Jayakah, mileagenya itu tolong fikirkan

sedikit. Tolong fikirkan masalah mileage itu sedikit. Kalau 20 sen atau 35 sen sekilometer, masalah ini pun dinaikkanlah sedikit. Hari ini harga minyak bukan lagi kita boleh beli pakai gelcn, kita beli pakai liter. Kalau dulu satu liter 40 sen, hari ini sudah naik RM1.20, kalau saya tidak silap. Saya tidak faham masalah harga itu tetapi harga minyak pun agak merumitkan di atas perjalanan elaun perbatuan ini. Tuan Yang di-Pertua, itu Maksud B.I.

Saya masuk ke Maksud B.17, Kementerian Belia dan Sukan. Tiap-tiap kali ada perbincangan, belia ini terbabit. Kalau dalam mass media hari ini, kita lihat banyak kes-kes atau perkara-perkara yang terjadi hari ini, kebanyakannya dilakukan atau dilaksanakan oleh belia-belie iaitu pemuda-pemuda. Dalam mass media, dua tiga hari dulu, sorang wanita dibakar, dirogol, dianiaya, sudah buat tidak betul. Ditangkap orang itu, dirogol, setelah dirogol, dibakar. Siapakah yang melaksanakan ini? Orang-orang muda yang masih boleh dipanggil belie. Ini tugas Menteri Belia dan Sukan kerana belie-belie ini di bawah beliau. Dia terpaksa mengambil inisiatif dan daya usaha, bagaimana belie-belie ini dapat dikongkong supaya tidak melakukan perkara-perkara yang lebih buruk, boleh memburukkan masalah belie negara kita.

Kita kumpulkan pegawai-pegawai belie di tiap-tiap daerah, terpaksa pergi ke kampung-kampung untuk membuat perincian dan percaturan mengenai berapa orang belie-belie di tiap-tiap kampung itu. Tiap-tiap kampung mesti dikaji dan mesti disiasat, berapa orang belie-beliannya dan apa perlu dibuat kepada belie-belie ini, sama ada belie-belie ini boleh disatukan dan dibuat pertubuhan. Apabila sudah ada pertubuhan, maka dilaksanakan sukan-sukan yang perlu ada di kampung itu,

yang dibolehkan bermain di kampung itu. Kalau di kampung itu ada belia yang boleh bermain sepak takraw, kita adakan belia untuk sepak takraw supaya masa mereka tidak terbuang begitu sahaja, supaya mereka tidak dapat melaksanakan kerja-kerja yang dikutuk oleh masyarakat di sekeliling kampung.

Di kawasan kampung itu adakan padang di dalam tiap-tiap daerah, seperti dua tahun dahulu Kerajaan sudah membuat mini sukan. Untuk mini sukan ini, dia mengadakan padang dan juga tiap-tiap daerah raempunyai satu, dua atau pun tiga mini sukan, Kementerian Belia dan Sukan terpaksa memenuhi apa yang perlu ditaruh di dalam mini sukan itu. Kalau ada padang, ditentukan ada sepak takraw, ditentukan ada volleyball, ditentukan ada badminton court di dalam mini sukan itu. Sekarang hanya ada padang sahaja, kadang-kadang tiang gol pun tidak ada.

Ini perlu diambil perhatian oleh pegawai-pegawai belia "di daerah masing-masing, di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Dia tidak boleh dilepaskan begitu. Kebanyakan padang-padang yang ada di daerah-daerah mini sukan ini, yang dipanggil padang mini sukan, hanya diduduki dan dinikmati oleh kerbau, lembu, kambing dan sebagainya. Tidak dihuni oleh manusia-manusia yang dinamakan belia. Oleh sebab itu, Kerajaan membuang-buang duit dan membuang-buang masa sahaja membuat mini sukan ini.

Saya merayu kepada Kementerian Belia dan Sukan, dan saya juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada Menteri Belia dan Sukan yang baru dilantik, Yang Berhormat Tuan Abdul Ghani bin Othman. Kalau

dahulu saya juga selalu menyentuh masalah belia ini, separuh atau tiga suku, apa yang saya suarakan telah dilaksanakan oleh Dato' Haji Annuar bin Musa dan saya mengucapkan terima kasih. Hari ini tiba masanya pula, Yang Berhormat Saudara Abdul Ghani bin Othman untuk melaksanakan kerja-kerja ini.

Belia hari ini, kita selalu melaungkan dan Kerajaan juga melaungkan, orang ramai juga melaungkan "Belia Harapan Bangsa". Kalau harapan bangsa sudah menghisap dadah, hendak harapan apa lagi! Sudah tidak ada lagi harapan. Hilang harapan, tinggal kenangan sahaja.

Jadi, saya merayu sangat kepada Menteri Belia dan Sukan yang baru supaya di tiap-tiap kampung dan tiap-tiap daerah, persatuan belia ini mesti digerakkan kembali, walau dengan apa cara sekali pun. Kalau tidak cukup pegawai, tambah pegawai. Kebanyakan di tiap-tiap daerah, pegawainya seorang dan keraninya seorang. Kadang-kadang keraninya bercuti, langsung tidak ada, pegawainya keluar, pejabat (office) tinggal kosong begitu sahaja. Ini pun saya sudah bercakap, tahun dulu pun saya sudah bercakap tetapi ada juga di dua, tiga daerah dipenuhi harapan itu tetapi masih lagi ada yang kosong. Jadi, pegawai-pegawai belia, jangan Kerajaan atau pun orang ramai hendak menuduh pegawai belia tidak membuat kerja, tidak terbuat! Tidak terbuat oleh seorang pegawai belia hendak menjaga 3,000 belia di tiap-tiap daerah. Katalah hitung panjang 3,000 belia, dia seorang hendak buat semua, tak terbuat! Dia bukannya 'superman', tak terbuat!

Oleh sebab itu, Kementerian Belia dan Sukan sudah ada peruntukan sedikit ini, ini saya rasa sedikit, bukan banyak sangat, RM5 juta tidak cukup juga kalau dibahagi kepada beberapa

negeri kita. Tetapi walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil berat, ada benda ini. Apabila ada pegawai, bila ada kerani, cukup dengan tugas-tugas yang diberikan dan cukup dengan perbelanjaan, saya rasa belia-belia ini tidak terbiar begitu sahaja. Pegawai-pegawai belia kalau boleh pergi ke kampung-kampung, satu daerah sekurang-kurangnya 60 ke-70 buah kampung. Tidak terbuat oleh pegawai belia ini, tambah lagi pegawai ini. Kementerian Belia dan Sukan tambah pegawai ini lagi. Kalau ada seorang pegawai, penolong pegawai pun mesti ada. Kalau ada kerani, budak pejabat pun mesti ada. Tidak terbuat dua orang satu daerah.

Apa yang saya ceritakan ini ialah kerana saya juga adalah pemimpin belia, saya tahu. Kadang-kadang pemimpin belia di kampung-kampung tidak dapat apa-apa. Tetapi kalau dia tidak dijenguk, tidak ditengok atau tidak dijumpa oleh pegawai belia, dia tidak hendak menjalankan aktiviti. "Buat apa aku buat kalau hendak berjumpa pegawai belia pun susah". Macara mana tidak susah hendak berjumpa dengan pegawai belia kerana hari ini dia pergi ke kampung ini. Besok kita pergi, pegawai belia ini pergi ke kampung yang lain. Bila hendak jumpa? Oleh sebab itu, patah hati belia. Apabila patah hati belia, pertubuhan itu hancur. Apabila pertubuhan itu hancur, kampung itu hancur. Apabila belia itu hancur, maka negara turut hancur. Ini masalahnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi, macam inilah Yang terhormat, saya ingat saya beri kebenaran untuk menyambung esok.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli yang Berhormat, sebelum sidang ditangguhkan, saya ingin membuat sedikit pengumuman. Sebagaimana yang kita tahu, kita sekarang ini sedang menghadapi satu suasana tragedi yang semua orang tahu yang disiarkan menerusi media massa atau di TV boleh dikatakan tiap-tiap jam.

Jadi, memandangkan perhatian yang begitu serius diberikan oleh rakyat terutama sekali Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pihak kita telah membuat sedikit perancangan untuk memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin turut serta, kita sedang merancang untuk melawat ke tempat itu. Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi atau pun yang suka turut serta, diminta hadir di sini atau di perkarangan sana, pada pukul 10.30 pagi esok. Yang Berhormat Senator Mustapa Mohamed sedang menyusun atau pun sedang merancang untuk membawa satu kemudahan iaitu bas daripada Perbendaharaan ataupun Kementerian Kewangan.

Jadi saya rasa ini adalah satu peluang yang baik kerana dengan adanya perancangan dan cara pergi yang tersusun, maka kita tidak terhindar, tidak ada orang tahan dan kita pergi dengan baik. Insya Allah, dengan kehadiran kita di situ akan memberi sesuatu yang lebih bererti, bukan sahaja kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tetapi juga kepada Dewan Negara ini.

Jadi, dengan itu, Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.33 petang.